



TYT rasmi Sidang DUN hari ini **6**



Alor Gajah bandar lestari 2035



- ✓ Bina lebih banyak rumah mampu milik
- ✓ Produk baharu ekopelancongan berimpak tinggi berteraskan biodiversiti
- ✓ Bantu peniaga terjejas beralih ke bidang lain
- ✓ RM1.82 juta atasi masalah banjir kilat

BERITA PENUH MUKA 2 & 3

YANG Dipertua MPAG Mohd Fadhil Hassan

Pertandingan pidato kembalikan jiwa patriotisme

6

Fokus DUN: Banda Hilir

10

MUFC sasar empat terbaik

24

Alor Gajah menuju bandar lestari menjelang 2035

Faiz Hasan

ALOR GAJAH - MISI membentuk Alor Gajah sebagai sebuah bandar lestari dan berdaya huni menjelang 2035 menjadi pegangan utama Majlis Perbandaran Alor Gajah (MPAG).

Yang Dipertua MPAG Mohd Fadhil Hassan berkata, bagi merealisasikan misi itu pelbagai perancangan pembangunan mampan telah direncana khususnya dalam pembangunan perumahan.

Jelasnya, antara usaha yang dilakukan ialah membangunkan perumahan mampan milik bagi memastikan penduduk daerah kedua terbesar di Melaka itu memiliki rumah sendiri dan seterusnya meningkatkan kualiti hidup mereka.

"Dengan kebanyakan perumahan yang mampu dimiliki semua, ia akan menambahkan



kualiti kehidupan yang juga akan menyumbang kepada pembangunan ekonomi.

"Inilah yang dimaksudkan dengan berdaya huni yang mana daerah Alor Gajah bakal menjadi sebuah lokasi bandar lestari di mana seluruh masyarakat dapat menjalankan kehidupan yang lebih teratur, aman dan harmoni.

"Setakat ini terdapat 216 kawasan taman perumahan di Alor Gajah dan sebanyak tujuh projek perumahan baharu bakal dibangunkan di daerah ini," katanya dalam Wawancara Eksklusif Bersama Melaka Hari Ini (MHI) di pejabatnya.

Menurut beliau selaras dengan hasrat itu, pelbagai usaha dilakukan dalam menceriaikan seluruh kawasan Alor Gajah bertujuan untuk mencipta identiti tersendiri daerah berkenaan.

"Menerusi perancangan berkenaan, sebanyak dua lagi pintu gerbang akan dibangun-

kan di pintu masuk daerah iaitu di Kuala Linggi dan di Kendong.

"Selain itu, sebanyak empat arca akan dibangunkan di Alor Gajah dan kesemua struktur ini akan dibina berteraskan mercu yang berunsurkan sebuah mesej kepada orang ramai untuk mendoakan kesejahteraan kawasan Alor Gajah," katanya.

Pada masa sama ujarinya, MPAG juga akan mempelbagaikan produk pelancongan baharu di kawasan itu khususnya membabitkan ekopelancongan.

"Produk baharu ekopelancongan berteraskan biodiversiti adalah garis utama pembangunan di kawasan ini dalam menggalakkan ekonomi setempat.



FADHIL

"Selain itu, ia juga dapat menambahkan lagi pilihan pelancong selain dari menukupan pelancongan sedia ada seperti makanan, rekreasi, warisan dan sejarah," katanya.



MPAG berpegang kepada misi ingin menjadikan Alor Gajah sebagai sebuah bandar lestari dan berdaya huni menjelang 2035.



KETUA Menteri Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali (kanan) ketika melakukan lawatan ke Kolam Air Panas Cherana Putih di Taboh Naning pada Oktober tahun lepas. Gambar arkib MHI

Ekopelancongan Paya Lebar bakal jadi tarikan baharu

KAWASAN ekopelancongan Paya Lebar akan terus menjadi fokus utama MPAG untuk dimajukan sebagai lokasi pelancongan berimpak tinggi di daerah itu.

Mohd Fadhil Hassan berkata, produk baharu berkonsepkan pelancongan biodiversiti yang memfokuskan pemuliharaan hidupan paya bakau dijangka mampu menarik kehadiran pelancong antarabangsa.

Jelasnya, pelbagai tarikan akan diperkenalkan seperti menyelusuri sungai, melawat tempat pembuatan arang, pemeliharaan lokan dan pelbagai lagi.

"Fokus produk baharu ekopelancongan ini akan dibangunkan kerana ia mempunyai tarikannya tersendiri dan ia mampu menarik pelancong luar untuk datang ke kawasan ini.

"Kita akan membangunkan pelbagai fasiliti untuk memajukan kawasan ini pembinaan jeti memancing, jeti terapung, tandas awam, laluan pejalan kaki, pembesaran jalan dan pembinaan laluan pintu masuk ke kawasan itu.

"Kerja-kerja pembinaan dengan peruntukan kira-kira RM2.9 juta akan dilaksanakan sebaik mungkin dan setakat ini ia masih di dalam proses pecah tanah dengan beberapa kajian terperinci sedang dilaksanakan,"katanya.

Menurut beliau, pembangunan ekopelancongan di Paya Lebar begitu penting dalam mempelbagaikan produk pelancongan di kawasan itu yang sebelum ini lebih terkenal dengan pantai peranginan.

Pada masa sama, ujarinya, kewujudan produk pelancongan baharu itu dapat mempelbagaikan tarikan yang ada di Melaka sebagai sebuah negeri pelancongan.

WAKTU SOLAT

Daripada Abu Hurairah bahawa Rasulullah SAW bersabda: Sesungguhnya, solat seseorang lelaki secara berjemaah lebih utama daripada solatnya seorang diri dengan dua puluh lima bahagian.
20 September 2021 - 26 September 2021 (13 Safar 1443H - 19 Safar 1443H)

	SUBUH	SYURUK	ZOHOR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
20 SEPTEMBER 2021	5.54 am	7.01 am	1.07 pm	4.09 pm	7.09 pm	8.18 pm
21 SEPTEMBER 2021	5.53 am	7.01 am	1.07 pm	4.09 pm	7.09 pm	8.18 pm
22 SEPTEMBER 2021	5.53 am	7.01 am	1.06 pm	4.09 pm	7.09 pm	8.17 pm
23 SEPTEMBER 2021	5.53 am	7.01 am	1.06 pm	4.10 pm	7.08 pm	8.17 pm
24 SEPTEMBER 2021	5.53 am	7.00 am	1.06 pm	4.10 pm	7.07 pm	8.16 pm
25 SEPTEMBER 2021	5.52 am	7.00 am	1.05 pm	4.10 pm	7.07 pm	8.16 pm
26 SEPTEMBER 2021	5.52 am	7.00 am	1.05 pm	4.11 pm	7.07 pm	8.15 pm

Potongan 50 peratus sewa kedai MPAG

Faiz Hasan

MPAG menyediakan pelbagai inisiatif untuk membantu peniaga yang terkesan sejak pandemik COVID-19 melanda.

Mohd Fadhil Hassan berkata, antara inisiatif yang ditawarkan buat lebih 200 gerai di bawah pentadbirannya ialah potongan sewa sehingga 50 peratus.

Bagaimanapun untuk menikmati potongan tersebut, peniaga perlulah mengemukakan permohonan kepada pihaknya sebelum dipertimbangkan.

"Selain itu, MPAG turut menyediakan insentif lain seperti pengurangan kadar lesen yang diberikan secara beri secara terus kepada peniaga di Alor Gajah.

"Kita akan cuba membantu para peniaga kerana ada sesetengah yang memohon menyatakan gerai mereka tidak dibuka beberapa bulan menyebabkan mereka tidak mampu membayar sewa.

"Perkara seperti ini kita akan pertimbangkan untuk membantu mereka sebaik mungkin," katanya.

Dalam pada itu ujaranya, MPAG sedaya

upaya membantu semua rakyat terjejas yang terpaksa beralih ke bidang perniagaan sebagai jalan untuk meneruskan kehidupan.

Justeru, selaras dengan inisiatif Melaka Bebas Berniaga 2021 yang telah diumumkan Ketua Menteri Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali, pihaknya telah memudahkan urusan permohonan lesen perniagaan khusus buat peniaga kecil yang berniaga di hadapan rumah.

"Setakat akhir Ogos lalu, sebanyak 491 lesen telah dikeluarkan yang mana 420 daripadanya merupakan lesen menjual makanan dan minuman di daerah ini.

"Kita memberi terus membantu dan memberi galakan mereka untuk berniaga di mana-mana di daerah ini asalkan dapat mementingkan keselamatan dalam operasi perniagaan," ujaranya.

Bagaimanapun, katanya, peniaga perlu memastikan lokasi perniagaan yang sesuai bagi menjamin keselamatan diri mereka dan pelanggan yang datang, selain tidak berniaga di kawasan yang menghalang lalu lintas.



MPAG turut menyediakan insentif lain seperti pengurangan kadar lesen yang diberikan secara beri secara terus kepada peniaga di Alor Gajah.

Komited atasi banjir kilat di Alor Gajah

MPAG menerima peruntukan berjumlah RM1.82 juta bagi mengatasi masalah banjir kilat di daerah itu.

Mohd Fadhil Hassan berkata, peruntukan itu diberikan bagi tahun 2020 dan 2021 yang mana ia digunakan sebaik mungkin bagi menaik taraf sistem perparitan dan membesarkan longkang-longkang sedia ada.

Jelasnya menerusi peruntukan itu, masalah banjir kilat di beberapa lokasi berjaya diselesaikan.

"Pada 2020, MPAG menerima peruntukan sebanyak RM755,000 untuk menambah baik sistem saliran sekitar Dataran Keris dan Taman Melaka Perdana.

"Alhamdulillah, bila projek pembesaran longkang dan saliran di kawasan itu siap pada tahun ini, kita tidak lagi menerima aduan daripada penduduk sekitar.

"Untuk tahun ini, kita menerima lagi sejumlah RM427,500 untuk mengatasi permasalahan

banjir di Taman Belimbing Indah dan Taman Bidara Palma pula," katanya.

Bagi memastikan kesejahteraan penduduk, Mohd Fadhil berkata, pihaknya akan terus komited untuk melakukan penyelenggaraan menangani isu banjir di Alor Gajah.

Fokus utama MPAG pada masa ini ialah memantau lokasi-lokasi panas (hotspot) banjir di daerah berkenaan dan akan terus mengambil tindakan pantas untuk menyelesaikan isu itu.



PADA Januari lalu, MPAG melakukan kerja-kerja pemasangan pembentung kekotak di kolam takungan banjir HICOM, Pegoh bagi menaik taraf sistem perparitan, mengelak berlakunya banjir kilat.



FADHIL...bagi mengatasi masalah banjir kilat, MPAG telah terima peruntukan RM1.82 juta untuk tujuan tersebut.



MPAG perlu tingkatkan kualiti perkhidmatan - Rauf



Faiz Hasan

MASJID TANAH - Perkhidmatan yang berkualiti perlu ditingkatkan oleh pihak MPAG dalam memastikan pelaksanaan dasar kerajaan berjalan dengan lancar.

Speaker Dewan Undangan Negeri (DUN) Datuk Seri Ab Rauf Yusoh berkata, ia adalah selaras dengan fungsi MPAG sebagai agensi mengurus tabir perancangan dan menawarkan perkhidmatan kepada orang ramai.

"Dalam menambah mutu perkhidmatannya, peningkatan modal insan juga perlu diperkasa MPAG.

"Kualiti perkhidmatan kepada masyarakat perlu selaras dengan pembangunan yang diluluskan dan ia perlu setara dengan masa dan keadaan," katanya kepada MHI.

Dalam pada itu, beliau berharap perkembangan pembangunan dalam kawasan jajahan MPAG mesti seimbang dengan dasar kerajaan menerusi peranannya dalam tempoh 10 tahun akan datang.

Katanya, pelbagai perubahan perlu dilaksanakan termasuk pembangunan perumahan yang akan meningkatkan hasil pendapatan kepada agensi pihak berkuasa tempatan (PBT) tersebut.

"Jika banyak projek perumahan diluluskan kerajaan, sudah pasti ia membawa pulangan kepada pendapatan MPAG yang akan meningkat.

"Jadi peningkatan ini juga perlu setara dengan perkhidmatannya sebagai agensi yang berperanan merencana pembangunan buat rakyat di dalam daerah Alor Gajah amnya," katanya.



Ahli Parlimen Alor Gajah, Datuk Seri Mohd Redzuan bin Md Yusof

"**SAYA** mengharapkan pihak MPAG dapat merencana lebih banyak perancangan pembangunan tidak kira di kawasan bandar serta luar bandar kerana rakyat sekitar Alor Gajah begitu mengharapkan pembangunan seimbang serta menjanjikan peluang pekerjaan yang cerah.

RAUF

Alor Gajah perlu tarikan pelancongan baharu, gamit pengunjung

ALOR GAJAH - Tarikan pelancongan baharu perlu diwujudkan di Alor Gajah bagi menarik pengunjung dari dalam dan luar negeri, sekali gus menjana semula ekonomi di kawasan terbabit.

Peniaga, Ridzuan Rosman, 30, berkata pelbagai tarikan perlu diraccakkan khususnya dalam kawasan pekan Alor Gajah yang sebelum ini menjadi tumpuan pengunjung luar.

Katanya, langkah itu dilihat mampu meraccakkan semula aktiviti pelancongan di kawasan yang menjadi mercu tanda daerah itu setelah sekian lama sunyi akibat pandemik COVID-19.

"Kita perlu fikir pelbagai lagi tarikan untuk tarik orang datang ke kawasan ini terutama pada waktu malam yang sebelum ini meriah namun semakin sunyi sepi.

"Kita harap pelbagai tarikan seperti aktiviti pelancongan dan jualan boleh dilaksanakan di kawasan ini terutama pada waktu malam.

"Malah sebagai peniaga juga saya harap akan ada pel-



NORAZURA

bagai bantuan dihulurkan dari pelbagai pihak bagi membantu kami menjana semula pendapatan di kawasan ini," katanya kepada MHI.

Sementara itu, Rafeah Yaacob, 52, mengakui kawasan bandar Alor Gajah semakin kurang menerima kunjungan berikutan kurangnya tarikan di kawasan itu.

Dia yang hampir lapan tahun menjadi tukang bersih di Dataran Keris merindukan suasana meriah sebelum penularan pandemik COVID-19 melanda negara.

"Dahulu Dataran Keris ini kawasan tumpuan utama kerana pelbagai aktiviti dijalankan dari jualan murah hinggalah pelbagai persembahan bagi menarik orang ramai ke kawasan ini.

"Dari sudut pelancongan kita harap kerajaan perlu laksanakan satu kaedah bagaimana untuk menghidupkan semula kawasan ini," katanya.

Norazura Mustaffa, 35, pula berharap kerajaan dapat laksanakan kerja-kerja penambahbaikan dan menaik taraf kawasan itu pada masa akan datang.

"Penambahbaikan juga perlu terancang dan dilaksanakan dengan lebih baik kerana ramai yang menyatakan memohon untuk membina pasar raya di kawasan ini agar tidak tertumpu di Masjid Tanah.

"Namun, hal itu memerlukan perancangan terbaik kerana kita tidak mahu ada kerosakan di kawasan sedia ada," katanya.



ADUN Rembia, Datuk Muhammad Jailani Khamis

"**SEWAJARNYA** kawasan DUN Rembia perlu diberikan penekanan khusus dalam pelbagai aspek, terutamanya melibatkan peniaga kecil yang saya kira amat memerlukan perhatian melibatkan kelulusan lesen perniagaan dan sebagainya.



ADUN Tanjung Bidara, Datuk Wira Md Rawi Mahmud

"**SAYA** berharap agar pihak MPAG dapat memberikan perhatian kepada kemudahan infrastruktur di sepanjang pantai peranginan dalam DUN Tanjung Bidara kerana di Melaka sendiri, kawasan pantai peranginan ini adalah menjadi tumpuan utama pelancong dari dalam serta luar Melaka.

ADUN Ayer Limau, Datuk Amirudin Yusof

"**KAWASAN DUN Ayer Limau** yang terletak dalam kawasan luar bandar sememangnya amat mendahagakan penyediaan infrastruktur kemudahan asas, dan sewajarnya pihak MPAG memperlihatkan perkara ini sebaiknya demi kebaikan penduduk dalam DUN ini sendiri.



ADUN Kuala Linggi, Datuk Wira Ar Ismail Othman

"**MEMANDANGKAN** kawasan daerah Alor Gajah di bawah jajahan MPAG ini mempunyai banyak tanah pertanian, saya cadangkan agar pihak MPAG perhebatkan sektor pertanian.

"Contohnya seperti tanaman ubi kayu, sayur-sayuran yang kian mendapat perhatian di pasaran, sekali gus mampu menjana ekonomi rakyat setempat."



ADUN Taboh Naning, Datuk Wira Latipah Omar

"**SUDAH** lama rakyat mahukan pembinaan masjid berkapasiti 1,500 jemaah di DUN Taboh Naning sejak 2008 lagi, jadi sebagai wakil rakyat kawasan itu tentunya saya mahu pembinaan masjid itu disegerakan.

"Selain itu, pembangunan projek pekan Brisu yang seharusnya dibangunkan dengan pembangunan rumah kedai dan kawasan perumahan."



ISMAIL Sabri (kanan) bersama Anwar (kiri) dan Rais (tengah) pada majlis bersejarah pemeteraian MoU antara Kerajaan Persekutuan dan Pakatan Harapan pada 13 Sept lepas.

MoU kestabilan politik dimeterai

Kerajaan, PH lakar sejarah

KUALA LUMPUR — Kerajaan Persekutuan dan Pakatan Harapan (PH) melakar sejarah negara apabila buat pertama kali menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) Transformasi dan Kestabilan Politik pada 13 Sept lepas.

Perdana Menteri Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata memorandum berkenaan yang membentuk satu kerjasama dwipartisan dengan menjulang semangat Keluarga Malaysia,

mempunyai enam agenda.

Beliau berkata agenda berkenaan merangkumi pelaksanaan pelan COVID-19, transformasi pentadbiran, pembaharuan Parlimen, kebebasan institusi kehakiman, Perjanjian Malaysia 1963 (MA63) dan pembentukan jawatankuasa pemandu.

Katanya, ia juga selaras titah Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah sempena pembukaan Penggal Keem-

pat Parlimen ke-14.

"Titah hasrat Baginda Tuanku, semua pihak perlu mengamalkan demokrasi bermusyawarah dalam mencari penyelesaian kepada apa jua permasalahan demi mencapai matlamat Malaysia makmur, inklusif dan mampan," katanya dalam satu kenyataan.

Kenyataan berkenaan dikeluarkan sebaik memorandum itu selesai ditandatangani perdana menteri bersama ketua-ketua parti PH di bangunan Parlimen di sini.

Ia membabitkan Presiden PKR Datuk Seri Anwar Ibrahim, Setiausaha Agung DAP Lim Guan Eng, Presiden Parti Amanah Mohamad Sabu dan Presiden Pertubuhan Kinabalu Progresif Bersatu (UPKO) Datuk Seri Wilfred Madius Tangau.

Majlis berkenaan turut disaksikan oleh Yang di-Pertua Dewan Rakyat Datuk Azhar Azizan Harun dan Yang di-Pertua Dewan Negara Tan Sri Dr Rais Yatim.

Ismail Sabri berkata transformasi yang diperkenalkan kerajaan ini bukan

sahaja mendorong kepada tadbir urus yang cemerlang dalam memerangi COVID-19 dan pemulihan ekonomi, bahkan memangkin iklim pelaburan kondusif sekali gus memacu pertumbuhan ekonomi yang kukuh demi kesejahteraan Keluarga Malaysia.

"Semangat Keluarga Malaysia yang menekankan perpaduan, kesepakan dan kebersamaan inilah yang dizahirkan dalam memorandum persefahaman oleh kerajaan dan Ahli-ahli Yang Berhormat pada petang ini (13 Sept)," katanya.

Beliau berkata kerajaan yakin memorandum persefahaman yang dizahirkan ini bukan sahaja berupaya menegakkan segala perbezaan politik bahkan mampu memastikan pemulihan negara berjalan secara holistik dan inklusif.

"Setinggi penghargaan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membulatkan tekad, menegakkan perbezaan ideologi politik untuk bersama-sama memacu kestabilan ekonomi dan kesejahteraan Keluarga Malaysia," katanya. -BERNAMA



Pesuruhjaya PAS Melaka, Datuk Kamarudin Sidek

"ALHAMDULILLAH, Perdana Menteri Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berjiwa besar dan pada dasarnya, PAS Melaka bersetuju demi untuk kestabilan politik serta dalam isu menanganikan COVID-19 kerana tidak ada isu siapa menang atau siapa kalah sebaliknya menjadi tanggungjawab bersama".



Pengerusi Pakatan Harapan (PH) Melaka, Adly Zahari

"PALING utama adalah keberkesanan kerajaan menanganikan sekali gus menyelesaikan krisis kesihatan COVID-19 dan ekonomi kerana sebelum ini ketika kerajaan PH juga mahukan perkara sama".



Ketua Badan Pimpinan Bersatu Melaka, Datuk Mohd Rafiq Naizamohideen

"SAYA berpendapat MoU yang telah ditandatangani oleh pihak Kerajaan Persekutuan dan PH merupakan satu usaha positif dalam menggembleng segala usaha di kalangan pemimpin politik untuk memberi tumpuan kepada pemulihan negara dari pandemik COVID-19, terutamanya melibatkan aspek kesihatan serta ekonomi rakyat".

MoU bentuk keseimbangan politik - Rauf

Faiz Hasan



RAUF

MASJID TANAH — Memorandum Persefahaman (MoU) Transformasi dan Kestabilan Politik yang dimeterai Kerajaan Persekutuan dan Pakatan Harapan (PH) membawa kesan positif dalam membentuk keseimbangan politik serta mendukung amalan demokrasi di negara ini.

Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Melaka, Datuk Seri Ab Rauf Yusoh berkata, ia merupakan perkara terbaik dalam membentuk demokrasi bermusyawarah menerusi kerjasama dwipartisan.

Katanya, sebagai kerajaan yang memerintah, fungsi pembangkang tidak perlu dipinggirkan dan wajar diberikan peluang untuk bersama-sama memulihkan negara.

"Sebagai kerajaan yang diberi ruang untuk mengurus tadbir negara, mana-mana wakil rakyat yang tidak diberi peluang memerintah tidak boleh dipinggirkan kerana mereka sendiri mempunyai

sokongan rakyat yang memilih mereka.

"Pertimbangan politik yang dibawa mereka perlu diimbangi oleh wakil kerajaan supaya nikmat demokrasi itu dapat dirasakan semua pihak.

"Dalam era baharu yang diperkenalkan Perdana Menteri Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, ia dapat dilihat sebagai satu contoh pada masa akan datang dalam memastikan arena politik negara akan terus stabil," katanya kepada MHI.



PENGERUSI Badan Perhubungan UMNO Melaka, Datuk Seri Ab Rauf Yusoh (dua kanan) menyampaikan sumbangan kepada mangsa banjir yang terkesan dalam tragedi kepala air Gunung Jerai, Yan, Kedah pada Ogos lalu.

TYT rasmi Sidang DUN hari ini

Mohamad Fazrul Abdul Majid

SERI NEGERI - Yang di-Pertua Negeri, Tun Seri Setia Mohd Ali Mohd Rustam akan merasmikan pembukaan Persidangan Pertama Penggal Keempat Dewan Undangan Negeri (DUN) Melaka yang berlangsung hari ini.

Timbalan Speaker DUN Melaka, Datuk Wira Ghazale Muhamad berkata, itu merupakan antara agenda hari pertama persidangan DUN Melaka.

Katanya, hari kedua hingga keempat pula akan diteruskan dengan sesi soal jawab, selain pemben-

tangan dua usul yang dibawa kerajaan negeri.

Jelasnya, dua usul yang dibawa ialah berkaitan koridor ekonomi pesisir pantai M-WEZ dan mengenai Ahli Sunnah Wal Jamaah.

"Berbezanya persidangan kali ini ialah ia hanya akan berlangsung selama empat jam sahaja setiap hari bermula dari jam 9.30 pagi hingga 1.30 petang.

"Disebabkan masa yang terhad, kita akan cuba ubah suai jadual yang mana tiada lagi rehat minum pagi dan ia akan terus kepada pengisian yang ditetapkan.

"Kita juga akan mencadangkan

supaya soalan tambahan bagi setiap soalan lisan dan tempoh perbahasan dihadkan supaya kita dapat beralih kepada agenda yang lain," katanya kepada MHI.

Beliau berkata, selain itu, persidangan kali ini juga menyaksikan terdapat perubahan tempat duduk Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN).

Jelasnya, kesemua ADUN di blok kerajaan akan ditempatkan di tempat duduk ketua jabatan di tingkat atas sebelah kanan dewan, manakala ADUN pembangkang di bahagian atas sebelah kiri dewan.

Sementara itu, barisan Exco ke-

rajaan negeri pula kekal di tempat duduk lama cuma ditambah dengan penjarakan antara satu sama lain.

"Selain itu jumlah petugas juga akan berkurangan dengan hanya 90 orang sahaja dibenarkan berada dalam dewan setiap kali bersidang.

"Kesemua Exco, ADUN dan petugas juga perlu menjalani ujian saringan PCR COVID-19 tiga hari sebelum dewan bersidang dan sekali lagi perlu menjalani ujian saringan air liur pada hari bersidang," katanya lagi.

Dalam pada itu, beliau berkata, terdapat 109 soalan lisan telah dikemukakan untuk persidangan kali ini



GHAZALE

yang mana majoritinya adalah berkaitan kesihatan dan COVID-19.

Pertandingan pidato kembalikan jiwa patriotisme – KM

SERI NEGERI – Pertandingan Pidato Rukun Negara (PPRN) Peringkat Kebangsaan, Piala Pusingan Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Melaka menjadi wadah mengembalikan semula jiwa patriotisme yang semakin menipis dalam kalangan masyarakat.

Ketua Menteri, Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali berkata, idea pertandingan yang dizahirkan sendiri oleh Yang di-Pertua Negeri, Tun Seri Setia Mohd Ali Mohd Rustam, amat baik kerana telah mendedahkan penyertaan yang tinggi.

"Pertandingan ini telah berjaya menarik minat seramai 203 penyertaan, bagi empat kategori yang dipertandingkan, iaitu Kategori Sekolah Rendah, Kategori Sekolah Menengah, Kategori Institut Pengajian Tinggi dan Kategori Awam.

"Berikutan kecemerlangan itu, pada tahun ini pula, saya dimak-



SULAIMAN

lumkan, Tuan Yang Terutama Tun Seri Setia sendiri mencadangkan supaya pertandingan pidato ini, dianjurkan pada peringkat Kebangsaan yang penyertaannya terbuka kepada seluruh rakyat Malaysia," katanya.

Beliau berkata demikian dalam ucapan PPRN yang disiarkan secara maya menerusi Facebook rasmi

Kerajaan Negeri Melaka pada 16 Sept lepas.

Hadir sama, Mohd Ali dan isteri, Toh Puan Asmah Abd Rahman.

Pertandingan turut disaksikan Menteri Perpaduan Negara, Datuk Wira Halimah Mohamed Sadique, Speaker Dewan Undangan Negeri (DUN) Melaka, Datuk Seri Ab Rauf Yusoh serta Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka, Datuk Ts. Kamel Mohamad.

Mengulas lanjut, Sulaiman berkata, beliau turut berterima kasih kepada Kementerian Perpaduan Negara yang banyak membantu dan bekerjasama dalam penganjuran pertandingan pidato ini.

"Ini termasuklah dengan penambahan satu lagi kategori baharu iaitu Bukan Melayu, saya diberitahu oleh pihak urusetia, pertandingan pidato pada kali ini telah berjaya menarik penyertaan seramai 970 peminat yang berbakat dari selu-

" TYT sendiri mencadangkan supaya pertandingan pidato ini, dianjurkan pada peringkat Kebangsaan yang penyertaannya terbuka kepada seluruh rakyat Malaysia "

ruh negara.

"Sampaikan, para juri mengha-

dapi kesukaran untuk memilih pemenang, kerana yang bertanding semuanya hebat-hebat belaka. Tahniah dan syabas kepada semua," katanya.

Pada pertandingan peringkat akhir tersebut, sebanyak 15 peserta daripada lima kategori iaitu Awam, Bukan Melayu, Institut Pengajian Tinggi, Sekolah Menengah dan Sekolah Rendah mempamerkan kehebatan masing-masing bagi merebut hadiah wang tunai berjumlah RM300 hingga RM5,000.

Selain wang tunai, pertandingan yang mengumpulkan sejumlah 970 peserta dari seluruh negara itu juga menawarkan pelbagai hadiah menarik termasuk piala pusingan, piala iringan, koleksi buku dan sijiil penyertaan.

Abd Malik johan pidato

Liana Sahabudin

GURU Bahasa Melayu, Abd Malik Mohammad Shah muncul johan Pertandingan Pidato Rukun Negara (PPRN), Peringkat Kebangsaan Piala Pusingan Yang di-Pertua Negeri Melaka, pada 16 Sept lepas.

Abd Malik juga merangkul johan bagi Kategori Awam mengalahkan dua pesaingnya dari Terengganu dan Melaka sekali gus membawa pulang wang tunai RM5,000, piala iringan, buku biografi Yang di-Pertuan Agong, buku biografi TYT dan sijiil penyertaan.

Dia yang merangkul johan keseluruhan sebagai Peminat Terbaik membawa pulang Piala Pusingan TYT Yang di-Pertua Negeri Melaka beserta sijiil penyertaan menewaskan 14 lagi peserta dari seluruh negeri dari Semenanjung selain Sabah dan Sarawak.

Dalam ucapan selama 10 minit itu, anak muda dari Johor itu, berpidato mengenai 'Rukun Negara Tonggak Perpaduan Bangsa' yang berjaya menarik perhatian juri.

Sementara itu, johan Kategori Sekolah Rendah menjadi milik Hayfa Adni Nasaruddin dari Sekolah Ke-



ABD Malik merangkul gelaran peminat terbaik pada pertandingan tersebut.

bangsaan Jerantut Jaya, Pahang.

Johan Kategori Sekolah Menengah, Aiena Batrisyia Sulaiman dari Kolej Tunku Kurshiah, Negeri Sembilan manakala Khairul Aizat Yusoff dari Pulau Pinang yang juga penuntut Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) muncul johan Kategori IPT.

Sementara itu, johan pidato Kategori Bukan Melayu dimenangi P. Selvi dari Melaka yang merupakan tutor sambilan.

STATISTIK PERKEMBANGAN MELAKA PROGRAM IMUNISASI COVID-19 KEBANGSAAN

VAKSINASI POPULASI

Harian – Dos Diberikan
+3,779

Keseluruhan – Dos Diberikan
1,119,486


Harian – Dos Satu
+808

Keseluruhan –
Sekurang-kurangnya Satu Dos
612,915

Harian – Lengkap Divaksinasi
+2,971


Keseluruhan –
Lengkap Divaksinasi
506,571

* Data setakat 15 Sept 2021, 11.59 pm



KESELURUHAN TERDAPAT 72 PUSAT PEMBERIAN VAKSIN (PPV) BERIKUT 23 LOKASI PPV > SEMUA DAERAH

- BAYOU LAGOON
- HOSPITAL ALOR GAJAH
- DEWAN CREATE
- ENCORE
- TEXAS INSTRUMENT
- INFINEON TECHNOLOGIES
- DEWAN MPJ ALAMANDA JASIN
- DEWAN JAPERUN AYER MOLEK
- HOSPITAL MELAKA
- DEWAN TUN ALI
- DEWAN JAPERUN SUNGAI UDANG
- DEWAN BUNGA TANJUNG
- KOMPLEKS SUKAN MASJID TANAH
- DEWAN MBMB TAMAN BERTAM JAYA
- DEWAN CTRM
- DEWAN MPJ HJ. AHMAD ITHNIN MERLIMAU
- DEWAN MMU
- YAYASAN TOH PUAN ZURINA
- DEWAN HANG TUAH
- HOSPITAL JASIN
- DEWAN TAMING SARI, UITM LENDU
- DEWAN MPHTJ BUKIT BERUANG
- DEWAN JAPERUN KLEBANG



Infografik : Melaka Hari Ini Sumber : <https://covidnow.moh.gov.my/bm/mlk>

Kerajaan Melaka tidak pernah pinggir peniaga – Norhizam

Liana Sahabudin

BANDA HILIR – Kerajaan Melaka tidak pernah meminggirkan mana-mana peniaga khususnya mereka yang terkesan semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Exco Usahawan, Datuk Norhizam Hassan Baktee berkata ia termasuklah memikirkan masalah serta keperluan peniaga-peniaga kecil di negeri ini.

“Insya-Allah saya akan bantu peniaga, inilah tugas saya sebagai Exco Kerajaan Negeri Melaka dan kita tidak akan pinggirkan mereka.

“Saya tahu mereka yang niaga makanan di sini ada yang sampai terpaksa buang barang mereka bila makanan dah tamat tarikh luput.

“Usahawan semua di bawah jagaan saya, saya akan bantu mereka sekadar mampu dan kita tengok apakah keperluan mereka,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang



NORHIZAM

media selepas Penyerahan Kit Makanan pada Usahawan Kraf Rumah Merah dan Medan Samudera di Medan Samudera Banda Hilir pada 12 Sept lepas.

Hadir sama Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan dan Penyelarasan Dewan Undangan Negeri (JAPERUN) Banda Hilir, Datuk Abdul Razak Abdul Rahman dan Pengerusi Pertubuhan Pembela Klebang Besar, Datuk Mohd Yusof Abu Has-

san.

Katanya telah pun berbincang dengan usahawan terlibat mengenai bantuan diberikan kerajaan sewaktu pandemik COVID-19 melanda negara.

“Kerajaan negeri memang ada bagi bantuan secara *one-off* iaitu Dana Bantuan Kasih Niaga RM1,000 dan RM350 melalui Majlis Agama Islam Melaka (MAIM).

“Malah peniaga juga diberikan pengurangan sewa dari Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB) sebanyak 50 peratus dan banyak lagi, ada juga premis yang kita langsung tak kutip sewa,” katanya.

Dalam pada itu, Norhizam berharap Melaka akan dikunjungi pelancong domestik selepas negeri ini beralih kepada Fasa 3.

“Saya yakin dalam bulan Oktober atau November, Melaka akan masuk Fasa 3 mengikut proses vaksinasi dan kita akan buka semula sektor pelancongan,” katanya.

‘Harap Melaka selepas Langkawi’

Liana Sahabudin

BANDA HILIR – Melaka perlu menjadi destinasi kedua bagi pembukaan sektor pelancongan domestik selepas Pulau Langkawi.

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan dan Penyelarasan Dewan Undangan Negeri (JAPERUN) Banda Hilir Datuk Abdul Razak Abdul Rahman berkata, inisiatif itu sekali gus membantu peniaga khususnya di kawasan Bandar Melaka yang terkesan sejak Perintah Kawalan

Pergerakan (PKP).

“Saya yakin kerajaan negeri akan memanjangkan perkara ini supaya selepas Pulau Langkawi, Melaka akan menjadi destinasi percubaan untuk sektor pelancongan.

“Saya harap mesyuarat Majlis Keselamatan Negara (MKN) juga membawa perkara ini dan memohon kepada kerajaan pusat.

“Usaha ini sudah pasti membantu peniaga-peniaga di Melaka khususnya yang terlibat dalam sektor pelancongan,” ka-

tanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas Penyerahan Kit Makanan pada Usahawan Kraf Rumah Merah dan Medan Samudera di Medan Samudera Banda Hilir pada 13 Sept lepas.

Penyerahan itu disempurnakan Exco Usahawan Negeri, Datuk Norhizam Hassan Baktee.

Kehadiran Norhizam bagi menyantuni 100 peniaga di Medan Samudera dan mendengar permasalahan yang diha-



ABDUL Razak

dapi peniaga-peniaga di kawasan itu.

Jambu Manis Melaka Bakal jadi ikon baharu produk pertanian

Mohamad Fazrul Abdul Majid

RIM – Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) bercadang untuk menjenamakan jambu batu lohan yang diusahakan di Pulau Gadong dengan nama baharu lebih komersial.

Ahli Lembaga Pengarah FAMA Datuk Wira Ghazale Muhamad berkata, antara nama dicadangkan ialah Jambu Manis Melaka yang mana ia akan diusul serta dibawa ke pengetahuan Ketua Menteri Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali.

Katanya, jambu batu itu cukup unik selain mempunyai tekstur rangup dan rasanya lebih manis hasil teknik terbaharu yang diusahakan seorang anak muda yang hilang pekerjaan sejak Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan tahun lalu.

“Produk ini ditemukan di musim PKP yang mana pengusahanya adalah seorang bekas kontraktor hilang pekerjaan dan mengambil keputusan untuk bertani di atas tanah milik orang berke-



GHAZALE (tengah) menunjukkan jambu batu diusahakan di Melaka yang menjadi antara produk jualan di Pasar Tani Jasin.

luasan 4.86 hektar di Pulau Gadong.

“Pada awalnya ia kurang menjadi, namun berkat usaha kerasnya, kini dia mampu menghasilkan 40 metrik tan jambu batu itu dalam tempoh setahun sahaja.

“Jadi, saya percaya kalau jambu batu ini dijenamakan dan dikomersialkan, ia bakal menjadi satu ikon baharu

produk buah-buahan di Melaka,” katanya ketika ditemui selepas melawat Pasar Tani Jasin, di sini, pada 15 Sept lepas.

Justeru, Ghazale menyeru lebih ramai anak muda di negeri ini tidak takut menceburkan diri dalam bidang pertanian kerana ia antara cabang yang boleh menjana pendapatan lumayan.



DAK MAT

Berbahaslah sebaiknya

BUKAN sidang Dewan Rakyat jika tidak diselit dengan pertikaman lidah dalam kalangan Ahli Parlimen.

Itu yang dilihat pada Sidang Dewan Rakyat yang membuka tirai minggu ini.

Namun, dalam semangat politik baharu selepas termeterainya MoU Transformasi dan Kestabilan Politik antara Kerajaan Persekutuan dan Pakatan Harapan (PH), kita harap ‘kekecohan’ yang ‘tidak wajar’ perlu dielak sama sekali.

Kekecohan seperti mencelah tanpa meminta ‘izin’ Speaker mahupun Ahli Parlimen yang tidak memberi ruang mesti dielakkan kerana bukan saja mengganggu sidang dan membuang masa, malah mencemarkan imej dewan.

Pendek kata ‘skrip’ lapuk ini tidak perlu lagi diulang kerana rakyat dah muak melihatnya.

Bagi Mat Ahli Parlimen kerajaan mahupun pembangkang cukup matang dalam mengendalikan sidang demokrasi ini dengan sebaiknya.

Tidak perlulah ada yang diarah keluar dewan atau digantung menghadiri sidang atas kesilapan dan kedegilan sendiri mematuhi peraturan mesyuarat.

Mesyuarat Pertama Penggal Keempat Parlimen ke-14 ini berlangsung selama 17 hari dan dijadual berakhir 12 Oktober.

Jadi gunakanlah peluang dan ruang diberikan kepada setiap Ahli Parlimen untuk membahaskan isu-isu yang mempunyai implikasi langsung kepada rakyat dengan sebaiknya.

Dak Mat : Tunggu Sidang DUN Melaka



Perhebat operasi pematuhan SOP



MINGGU lalu dilaporkan tempat riadah dan pelancongan termasuk pantai perangan mula dibanjiri orang ramai.

Tidak terkecuali di Melaka apabila pantai perangan ‘diserbu’ pengunjung sesuai dengan Melaka beralih ke Fasa Dua Pelan Pemulihan Negara (PPN).

Rakan Mat yang meninjau di Pantai Klebang, Pantai Siring, Pantai Puteri, Pengkalan Balak dan Tanjung Bidara maklumkan perkara itu.

Kita cukup gembira dengan perkembangan positif ini termasuk projek rintis gelembung pelancongan domestik Lang-

kawi yang bermula Khamis lalu.

Gembira, pertamanya aspek riadah ini amat penting dalam memastikan kesihatan tubuh badan termasuk mental selain bantu jana ekonomi peniaga kecil di kawasan sekitar.

Namun apa yang dikhuatiri adalah berkenaan risiko penularan jangkitan COVID-19 masih boleh berlaku dan tindakan individu tidak lengkap dos vaksin turut beriadah sama.

Justeru, pemantauan pihak berkuasa di kawasan riadah ini mesti ditingkatkan supaya masyarakat peka dan mengelak risiko penularan kes COVID-19.

Dak Mat : Teruja nak ‘terbang’ bercuti ke Langkawi

PPRN wajar dijadikan acara tahunan

PERTANDINGAN Pidato Rukun Negara (PPRN) Peringkat Kebangsaan, Piala Pusingan Tuan Yang di-Pertua Negeri Melaka wajar diangkat sebagai acara tahunan.

Mat sokong cadangan kerajaan negeri mengenai hal ini kerana penyertaan amat menggalakkan dari seluruh negara.

Seni berpidato ini terbukti masih mendapat perhatian masyarakat apabila seramai 970 peserta pelbagai usia dan bangsa menyertainya. Jumlah itu dicapai bagi acara diadakan secara maya, jika bersemuka mungkin berlipat ganda.

Ditambah pula dengan kehadiran penonton yang ‘membakar’ semangat peserta untuk memberikan persembahan terbaik.

Bukan hadiah dan piala kemenangan diutamakan, tapi lebih penting lima prinsip Rukun Negara dihayati.

Selain acara ini mewujudkan kefahaman, amalan serta meningkatkan penggunaan Bahasa Melayu dalam kehidupan seharian masyarakat berbilang kaum.

Tahniah kepada cikgu Abd Malik Mohammad Shah yang muncul johan kategori Awam, Pemidato Terbaik serta pemenang augerah Piala Tuan Yang di-Pertua Negeri Melaka.

Dak Mat : Harap PPRN dapat dilakukan secara bersemuka tahun depan



Skwad Sabil Tangga Batu bantu santasi sekolah



Norizan Muhid

TANGGA BATU – Skwad Sabil Tangga Batu bersedia melakukan proses sanitasi dan nyahkuman percuma di sekolah rendah dan menengah dalam Parlimen Tangga Batu bagi membantu melengkapkan perseediaan persekolahan sesi baharu tidak lama lagi.

Ketua Pemuda UMNO Bahagian Tangga Batu, Datuk Rais Yasin berkata, sebagai permulaan kerja-kerja sanitasi akan dibuat di Sekolah Menengah Kebangsaan Paya Rumpit pada minggu depan.

Menurutnya, skuad kemudiannya akan bergerak ke sekolah-sekolah yang membuat permintaan untuk disanitasi melibatkan keempat-empat kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) iaitu Klebang, Paya Rumpit, Sungai Udang dan Pantai Kundur dalam Parlimen Tangga Batu.

"Ia bertujuan memastikan per-

sekitaran dalam dan luar sekolah bebas virus COVID-19 dan selamat digunakan oleh pihak sekolah terutama murid apabila sesi persekolahan bermula nanti.

"Kita membelanjakan kira-kira RM60,000 bagi pembelian mesin dan kerja-kerja sanitasi ini sejak bermula Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pertama sekitar tahun lalu," katanya MHI.

Menurutnya, pihaknya mula menawarkan perkhidmatan sanitasi percuma sejak PKP 1.0 dan tumpuan kepada lokasi padat dengan penduduk dan 'kawasan panas' COVID-19.

Kata Rais, Skwad Sabil Tangga Batu terdiri daripada dua kumpulan yang dianggotai 16 orang menjalankan sanitasi awam di masjid, surau dan lebih 28 taman perumahan.

"Sewaktu diperkenalkan, skuad ini lebih tertumpu di masjid dan surau dan disebabkan kerja-kerja yang aktif dijalankan, permintaan

mula diterima daripada pihak pengurusan taman perumahan yang berminat mendapatkan khidmat kami," katanya.

Menurut Rais, pihaknya menggunakan dua kaedah sanitasi iaitu secara semburan asap dan cecair mengikut ketetapan Kementerian Kesihatan.

"Sepanjang proses (sanitasi) dijalankan, semua petugas sentiasa diingatkan supaya mematuhi prosedur operasi standard yang ditetapkan seperti memakai pakaian perlindungan diri, pelitup muka, sarung tangan dan menjaga jarak fizikal.

"Kita juga turut memaklumkan kepada penduduk taman agar turut bekerjasama dengan petugas skuad agar menutup pintu dan tingkap rumah mereka ketika kerja-kerja sanitasi dilakukan pada bahagian luar rumah masing-masing," katanya.



PETUGAS Skwad Sabil Tangga Batu melakukan semburan sanitasi dan nyah kuman di sebuah taman perumahan dalam Parlimen Tangga Batu.

Manfaat riadah terapi keluarga

Fiqa Jamal

KLEBANG – Meskipun hanya cuti sehari bersempena Hari Malaysia, ia sudah cukup untuk membawa keluarga keluar beriadah dan bersantai di tepi pantai bagi terapi diri dan anak-anak.

Rata-rata itu antara jawapan ibu bapa yang membawa anak-anak ke Pantai Klebang kerana tidak mahu melepaskan peluang mengunjungi kawasan riadah popular itu.

Tinjauan MHI di pantai tersebut pada 16 Sept lepas mendapati orang ramai mula berkunjung ke pantai terbahit seawal jam 9 pagi.

Bagi Hadijah Ahmad, 45, cuti umum sempena Hari Malaysia itu perlu dimanfaatkan dengan membawa keluar anak-anak selepas sekian lama hanya duduk di rumah.

Katanya yang bekerja sebagai kakitangan kerajaan, dia, suami dan anak datang ke pantai tersebut pada jam 11 pagi untuk beriadah.

"Pantai Klebang ni memang akan

ramai kalau hujung minggu, cuti umum macam hari ini, jadi saya dan suami bawa anak-anak keluar hirup udara segar dan main pasir pantai, tengok anak pun seronok.

"Kalau sebelum ini, anak sibuk dengan PdPR (Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah), kelas atas talian, jadi bila kita dapat cuti bawa anak keluar, seronoklah, dapat lihat persekitaran lain untuk mereka.

"Masa yang sama, ajar juga anak-anak untuk sentiasa jaga SOP (prosedur operasi standard dalam keadaan endemik ini," kata ibu anak empat itu.

Nada sama juga disuarakan oleh penjawat awam, Khairul Mohd Taqwa Khalid, 32, yang mengambil peluang cuti sehari itu untuk membawa isteri dan anak-anak menghirup udara pantai selepas sekian lama mereka 'terkurung' di rumah.

"Kelonggaran diberikan kerajaan kepada individu yang sudah lengkap dua dos vaksin adalah tepat kerana dapat meredakan tekanan ibu bapa dan anak-

anak yang sebelum ini terhad untuk melakukan aktiviti.

"Sukar untuk saya yang bekerja sebagai polis untuk dapat cuti, kebetulan kerja syif malam hari ini jadi dapatlah luangkan

Kereta kuda Pantai Klebang kembali 'bernafas'

KLEBANG – Pengusaha kuda untuk aktiviti pelancongan di Dataran 1Malaysia Klebang kembali menjana pendapatan apabila kerajaan membenarkan aktiviti pelancongan dalam negeri berjalan semula di bawah Fasa 2 Pelan Pemulihan Negara (PPN) sejak dua minggu lalu.

Tinjauan MHI di sekitar Pantai Klebang pada 16 Sept lalu mendapati pengusaha kereta kuda juga sudah mula kembali menggamit pengunjung untuk mendapatkan khidmat mereka.

Bagi pengusaha kereta kuda berhias, Shahirah Idayu Kamaruzaman, 25, dia mewarisi pengusahaan kuda bagi aktiviti pelancongan itu dari keluarganya yang sudah lebih lapan tahun meniaga di sekitar Pantai Klebang.

Katanya, perniagaan kereta kuda berhias itu boleh dinaiki sehingga lapan orang pada satu masa namun sejak pandemik COVID-19, hanya empat ke lima orang sahaja dibenarkan dalam satu masa.

"Kita sediakan dua kereta kuda berhias di Pantai Klebang ini, dan pengunjung akan dibawa jalan di sekitar pantai sejauh 500 meter.

"Harga sangatlah berpatutan, serendah RM5 untuk kanak-kanak dan RM10 untuk dewasa.

"Dalam tempoh dua minggu dibenarkan beroperasi semula, sambutan pengunjung dan orang ramai amat

masa bawa mereka bersantai di pantai.

"Anak pun gembira dapat bergambar dengan kereta kuda, makan aiskrim dan macam-macam lagi," kata bapa kepada tiga anak itu.



SHAHIRAH bergambar bersama kereta kuda berhias miliknya di Pantai Klebang.

menjalankan, kami kembali bernafas, kuda juga kembali bertenaga.

"Sepanjang tiga bulan lalu kuda-kuda saya ini saya terpaksa catu makanan mereka, jadi bila kerajaan benarkan meniaga, syukur, kuda pun kembali sihat bertenaga.

Sementara itu, seorang lagi pengusaha kuda di Pantai Klebang, Mohd Fauzan Adnan, 19, dia mengusahakan kuda bagi aktiviti pelancongan itu bersama keluarganya sejak dua tahun lalu.

Menurut Mohd Fauzan, dia bukan sahaja menawarkan khidmat kereta kuda, malah turut menawarkan khidmat kuda tunggang yang sesuai untuk kanak-kanak dan dewasa.

"Kuda tunggang ni, kita tawarkan RM5 untuk kanak-kanak dan RM10 untuk dewasa, menunggang kuda dengan jarak anggaran 500 meter," katanya



HADIJAH ketika berkelah bersama keluarganya di Pantai Klebang pada 16 Sept lepas.

MELAKA HARI INI

NO.TEL : 06 - 251 9314,
06 - 251 9315
FAX : 06 - 251 9316

PENGARANG KANAN
**MUHD RIZANIZAM
ABDUL HAMID**
mrizanizam@gmail.com

PENGARANG
**MOHD HAMZATUL
AKMAR MD ZAKARIA**
yondaim87@
melakaharini.my

PENGARANG DIGITAL
MEOR RIDUWAN
meor76riduwan@gmail.com

JURUFOTO KANAN
AZREN JAMALUDIN
m.azren86@gmail.com

WARTAWAN

LIANA SAHABUDIN
lilyann90@melakaharini.my

**MOHD FAZRUL
ABDUL MAJID**
fazzul@melakaharini.my

MOHD FAIZ ABU HASAN
faizhasan@melakaharini.my

**FARAH SUHAIDAH
OTHMAN**
farahothman@melakaharini.my

REKABENTUK & GRAFIK

AMBRAN MOHAMED
ambran@melakaharini.my

**MIMIE AZURA
ABU BAKAR**
mimieszura1981@
melakaharini.my

ZUL RAHIMI RAMLI
mk7zul@melakaharini.my

PEMASARAN

PENGURUS
**MUHAMMAD HAMZI
ROSMANI**
am@melakaharini.my
018 - 329 9936

UNIT MEDIA SOSIAL

EKSEKUTIF
IZAIDA RAIHANAH IDRIS
izraithana363@gmail.com

**SHARIFAH NORKHALIDAH
SYED KHAIDZIR**
khalidah@melakaharini.my

MELAKA TV

KETUA
ASHALIA YUSOF
ashaliayusof@melakaharini.my

WARTAWAN PENYIARAN
MOHAMAD FARIS HAIKAL
farishaikalzakaria@
melakaharini.my

PENYUNTING VIDEO
RABIAH OSMAN
osmanrabiah@melakaharini.my

JURUKAMERA
ISMAIL IBRAHIM
dakmal192@melakaharini.my

AUFA IZZATI
AHMAD ZAILANI
aufaizzati98@melakaharini.my

AMIRUL RAMLI
amirul@melakaharini.my

Penolong Pegawai Kesihatan mengaku tidak bersalah **terima rasuah**

AYER KEROH - Seorang Penolong Pegawai Kesihatan mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen 13 Sept lalu, atas sembilan pertuduhan menerima suapan berjumlah lebih RM31,000 tiga tahun lalu.

Tertuduh, Ab Hanif Ab Hamid, 40 membuat pengakuan itu selepas pertuduhan dibacakan kepadanya di hadapan Hakim Elesabet Paya Wan.

Berdasarkan kertas pertuduhan satu hingga sembilan, tertuduh yang berkhidmat sebagai Penolong Pegawai Kesihatan Persekutaran di Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) Jasin menggunakan kedudukannya untuk mendapatkan suapan.

Tertuduh didakwa mendapatkan suapan dengan terlibat dalam permohonan bagi pembekalan peralatan tandas kepada syarikat perniagaan milik adiknya, Perniagaan Thronex Enterprise.

Ia melibatkan sembilan kerja pembekalan keperluan bagi Unit Bekalan Air dan Kebersihan Alam Sekeliling (BAKAS), PKD Jasin membatik pelbagai barangan termasuk peralatan tandas, cat, racun, mesin rumput dan skru yang keseluruhannya bernilai RM31,099.50.

Perbuatan itu dilakukan di Unit Bekalan Air dan Kebersihan Alam Sekeliling (BAKAS), PKD Jasin antara 4 Julai hingga 28 November



TERTUDUH...Ab Hanif diiringi pegawai SPRM keluar dari Mahkamah Sesyen selepas menghadapi sembilan pertuduhan menerima suapan tiga tahun lalu.

2018.

Bagi kesalahan itu, tertuduh didakwa mengikut Seksyen 23 (1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 (Akta 694) yang boleh dihukum mengikut Sekyen 24(1) akta sama.

Justeru, tertuduh boleh dipenjarakan tidak lebih 20 tahun dan denda tidak kurang daripada lima kali ganda jumlah atau nilai suapan atau RM10,000, mengikut mana yang lebih tinggi, jika sabit kesalahan.

Terdahulu, prosiding pendakwaan yang di-

kendalikan Pegawai Pendakwa SPRM, Nur Syakila Yaacob mencadangkan jumlah jaminan berjumlah RM5,000 bagi kesemua pertuduhan, selain syarat tambahan tertuduh menyerahkan pasport kepada mahkamah dan melaporkan diri di pejabat SPRM setiap bulan.

Tertuduh yang diwakili Peguam Wan Shahrizal Wan Ladin hanya bersetuju dengan

jaminan dan syarat ditetapkan.

Selepas mendengar hujah kedua-dua pihak, Elesabet dalam penghakimannya membenarkan tertuduh diikat jamin sebanyak RM5,000 serta syarat tambahan perlu melaporkan diri dua bulan sekali di pejabat SPRM.

Mahkamah menetapkan 20 Oktober ini bagi sebutan semula kes.

Serah sendiri ganja di SJR

Farah Suhaidah Othman

JASIN - Gara-gara panik diperiksa polis, seorang pemandu treler menyerahkan sendiri ketulan ganja bernilai RM1,000 sebelum ditahan di susur keluar Plaza Tol Lipat Kajang, dekat sini, pada 11 Sept lalu.

Suspek berusia 53 tahun yang memandu treler muatan cermin itu bagaimanapun ditahan anggota polis yang menjalankan sekatan jalan raya (SJR) di plaza tol berkenaan.

Timbalan Ketua Siasatan Jenayah Narkotik (JSJN), Deputy Superintendan Mohd Akmal Abdullah berkata, ketika kejadian suspek yang memandu treler sendirian dalam perjalanan dari Jasin menghala ke Klang, Selangor.

Katanya, apabila disoal siasat ketika melalui pemeriksaan polis di plaza tol berkenaan, suspek mengaku ada menyimpan

ganja berkenaan.

"Ketika pemeriksaan, suspek mengambal satu kotak kertas kecil dari bahagian ruang rehat di belakang kerusi pemandu sebelum menyerahkannya kepada anggota polis.

"Hasil pemeriksaan terhadap kotak berkenaan menemukan satu ketulan tumbuhan kering dadah dipercayai ganja seberat 600 gram, dianggarkan bernilai RM1,000," katanya dalam satu kenyataan di sini, pada 13 Sept lepas.

Mengulas lanjut, beliau berkata ujian saringan mendapati suspek positif dadah jenis ganja namun tidak mempunyai rekod jenayah lampau.

"Suspek direman tujuh hari sehingga 19 Sept bagi membantu siasatan dan kes disiasat mengikut Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952," katanya.

Lima individu 'kantoi' berparti

KOTA LAKSAMANA - Keseronokan enam individu berparti liar di sebuah rumah inap desa di Taman Kota Shahbandar terbantu apabila lima daripada mereka dicekup polis kerana positif dadah pada 13 Sept lalu.

Timbalan Ketua Polis Daerah Melaka Tengah, Superintendan Raiz Mukhliz Azman Aziz berkata, rumah terbabit diserbu polis pada jam 12 tengah hari.

Katanya, serbuan dilakukan oleh sepasukan pegawai dan anggota Bahagian Kongsi Gelap, Judi dan Maksiat (D7) Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Melaka Tengah hasil maklumat kegiatan tidak bermoral itu.

"Dalam serbuan itu polis menahan enam individu beru-

sia antara 21 hingga 26 tahun.

"Polis juga merampas pelbagai peralatan termasuk alat karaoke dipercayai digunakan bagi tujuan penganjuran aktiviti 'private party' itu," katanya dalam satu kenyataan di sini, pada 14 Sept lepas.

Beliau berkata, siasatan awal mendapati semua suspek menginap di rumah tiga tingkat itu secara berpasangan.

"Siasatan juga mendapati mereka menyewa kediaman itu selama dua malam bermula Sabtu lalu dengan bayaran sewa RM400 semalaman," katanya.

Mengulas lanjut, Raiz Mukhliz berkata, ujian saringan air kencing terhadap semua suspek mendapati lima daripada mereka positif dadah jenis methamphetamine.

"Polis akan mendapatkan perintah reman terhadap lima suspek hari ini (14 Sept) manakala seorang lagi dibebaskan dengan jaminan polis," katanya.

Menurutnya, keenam-enam individu berkenaan disiasat mengikut Seksyen 6 (1) Enakmen Hiburan dan Tempat-tempat Hiburan 2001 yang membawa kepada kesalahan menjalankan perniagaan tanpa lesen sah dengan hukuman penjara tidak lebih tiga tahun atau denda RM3,000.

Jelasnya, semua individu berkenaan juga turut dikenakan kompaun RM2,000 seorang mengikut Perkeria 16 Peraturan-peraturan Pencegahan dan Pengawasan Berjangkit 2021 kerana menjalankan kegiatan 'private party'.

"Lima daripada individu yang positif dadah disiasat mengikut Seksyen 15 (1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952," katanya.

Dalam pada itu, berkata, orang ramai dinasihatkan agar tidak melibatkan diri dalam penganjuran atau menghadiri aktiviti parti liar terutama ketika negara berdepan pandemik COVID-19.

"Berdasarkan rekod, IPD Melaka Tengah menjalankan 19 serbuan di tempat hiburan sekitar daerah dari Januari hingga Ogos lalu," katanya.



JAWATAN KOSONG

PEMBANTU PERIBADI

SYARAT KELAYAKAN:

- Warganegara Malaysia
- Keutamaan kepada perempuan bujang berumur 25-35 tahun
- Beragama Islam
- Memiliki lesen memandu kelas D (manual & automatik)
- Memiliki kenderaan persendirian
- Keutamaan diberikan kepada anak kelahiran Melaka/menetap di Melaka

KELAYAKAN AKADEMIK/KEMAHIRAN KOMPUTER:

- Pemegang Diploma dari Institusi Pengajian Tinggi yang diiktiraf dan memiliki latar belakang dalam bidang Kesetiausahaan, Pentadbiran Awam, Media Massa dan yang berkaitan
- Membantu kerja-kerja pentadbiran dan mahir dalam penggunaan Microsoft Office, Excel dan Power Point
- Mahir menggunakan kamera dan kemahiran fotografi diutamakan

CIRI-CIRI YANG DIPERLUKAN:

- Semangat ingin belajar sesuatu yang baru
- Memiliki minimum 3 tahun pengalaman dalam bidang yang berkaitan
- Berpengalaman dalam bidang protokol dan mengambil tahu mengenai perkembangan fesyen terkini
- Mempunyai perwatakan menarik dan sentiasa rapi dalam pemakaian
- Mempunyai sikap yang positif, daya pemikiran yang kreatif & berdikari dalam melaksanakan tanggungjawab yang diamanahkan
- Membuat kerja-kerja peribadi dan keluarga majikan
- Mengendalikan maklumat sulit majikan dengan penuh budi bicara
- Kebolehan memandu kereta mewah (jika diperlukan)
- Boleh bekerja secara "multi task"
- Boleh bekerja di luar kawasan bersama majikan (jika perlu)
- Patuh kepada waktu bekerja yang telah ditetapkan dan tidak berkira untuk bekerja lebih masa sekiranya diperlukan
- Boleh bekerja dalam tekanan dan tidak mudah melatah
- Boleh menerima arahan daripada majikan dari semasa ke semasa
- Bakat istimewa yang diperlukan: kebolehan menjahit, tatarias diri/muka dan boleh menjadi konsultan imej kepada majikan

CARA MEMOHON:
Resume lengkap (termasuk nombor telefon dan gambar berukuran pasport) hendaklah dihantar ke alamat emel berikut: hrrecruitment20.com.my@gmail.com sebelum/pada 30 September 2021.



ENAM individu ditahan kerana menganjurkan parti liar di sebuah inap desa di Taman Kota Shahbandar, pada 13 Sept lepas. FOTO ihsan PDRM



ABDUL Razak (kanan) turut aktif menyalurkan sumbangan kepada golongan memerlukan dalam kawasan DUN Banda Hilir.



KELIHATAN seorang gelandangan berehat di hadapan sebuah restoran di Taman Melaka Raya.

BIODATA PENYELARAS DUN BANDA HILIR

Nama : Datuk Abdul Razak Abdul Rahman

Umur : 48 tahun

Tarikh Lahir : 14/6/1973

Isteri : Datin Sri Wangi Sujud

Anak : 6 orang

1. Nurazira
2. Muhammad Azim
3. Nur Adlina
4. Eiman Irfan
5. Eiman Irdina
6. Eiman Irdhia

Pendidikan : Master of Business Administration

Kerjaya : Pengerusi Taman Teknologi Malaysia (2020-kini)

Penyelaras JAPERUN DUN Banda Hilir (2020-kini)

Setiausaha Politik Datuk Seri Shahidan Kassim (2014-2018)

Ahli Lembaga Pengarah Perbadanan Melaka Holding Sdn Bhd (2016-2018)



Gelandangan, miskin bandar cabaran utama DUN Banda Hilir

Norizan Abdul Muhid

BANDA HILIR - Masalah gelandangan, bangunan lama terbiar, miskin bandar dan banjir kilat antara isu dan cabaran yang dihadapi dalam Dewan Undangan Negeri (DUN) Banda Hilir ketika ini.

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan dan Penyelaras DUN (JAPERUN) Banda Hilir, Datuk Abdul Razak Abdul Rahman berkata, bangunan lama yang dibiarkan usang oleh pemiliknya terutama di Melaka Raya mencatatkan pemandangan di kawasan sekitarnya.

Menurutnya, keadaan lebih sukar apabila pemilik bangunan lama berkenaan tidak dapat dikenal pasti oleh pihak berkuasa bagi tujuan pengindahan atau pemuliharaan semula.

"Banyak bangunan usang yang kita gagal kenal pasti pemiliknya yang sebahagian besarnya terdapat dalam kawasan tumpuan pelancong.

"Antaranya di sekitar Banda Kaba, Bukit Cina dan Pulau Melaka, kawasan-kawasan ini merupakan tempat tumpuan pelancong namun pemandangan bangunan usang ini menjejaskan imej negeri ini di mata pelancong," katanya ketika ditemui MHI.

Menurutnya, terdapat bangunan usang yang dibiarkan oleh pemiliknya dalam tempoh agak lama sehingga kawasan persekitarannya dikelilingi semak samun dan stukturanya ditumbuhi lumut.

"Ada di antaranya terletak dalam kawasan bersejarah dan ini boleh menjejaskan keindahan bandar Melaka Bersejarah diiktiraf sebagai Bandaraya Warisan Dunia oleh Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO)," katanya.

Beliau berharap pihak Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB) dapat mengambil

tindakan segera mengatasi isu bangunan terbiar ini agar ianya tidak berterusan pada masa depan.

Bagi usaha itu, katanya, JAPERUN Banda Hilir mencadangkan agar kawasan bangunan lama yang akan dikenal pasti nanti ditangani secara berkesan dan diperindahkan berseesuaian dengan imej Melaka sebagai negeri tumpuan pelancong dari merata dunia.

Selain masalah bangunan usang terbiar, menurut Abdul Razak, isu gelandangan turut membelenggu pihaknya dan golongan itu dilihat masih berkeliaran di kawasan tumpuan orang ramai dalam kawasan bandar.

Katanya, golongan gelandangan itu terdiri daripada mereka yang berhijrah ke bandar Melaka disebabkan tidak dapat meneruskan kelangsungan hidup kerana pelbagai sebab.

"Kita dapati mereka ini datang ke bandar disebabkan tiada lagi tempat tinggal dan tiada pekerjaan bagi menampung hidup, jadi mereka hidup di kaki-kaki lima kedai.

"Pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Majlis Agama Islam Melaka (MAIM) telah dimaklumkan mengenai perancangan ini dan langkah-langkah menanganinya diambil oleh agensi berkenaan dari semasa ke semasa," ujarnya.

Isu miskin bandar turut menjadi perhatian JAPERUN Banda Hilir dan menurut beliau, pihaknya mendapati golongan terbabit bergantung kepada gaji harian.

Katanya, disebabkan pandemik COVID-

19, sebahagian besar daripada mereka hilang sumber pendapatan.

"Golongan miskin bandar ini kebanyakannya datang dari luar Melaka dan tinggal menyewa di rumah-rumah kedai dalam kawasan bandar dan disebabkan mereka menerima gaji harian dan tiada pekerjaan, maka mereka ini terputus bekalan makanan.

"Apa yang pihak JAPERUN Banda Hilir mampu lakukan hanya membekalkan kit makanan dan keperluan barangan makanan agar mereka tidak terputus bekalan makanan dan mampu meneruskan kelangsungan hidup," katanya.

Pada masa yang sama, kata Abdul Razak, pihaknya turut memberi tumpuan bagi menyelesaikan isu banjir dalam DUN Banda Hilir khususnya di kawasan Banda Kaba, Air Leleh dan sekitar Kampung Portugis.

Menurutnya, banjir kilat yang berlaku disebabkan masalah saliran di kawasan terbabit dan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) sedang dalam perancangan mengatasi kelemahan yang berlaku.

INFOGRAFIK KAWASAN DUN BANDA HILIR

Jumlah Penduduk
40,000

Jumlah Pengundi
20,012

Kawasan perumahan

JKKK : 8
Taman Perumahan : 8
Rumah Pangsupuri : 20

Rumah Ibadat

Masjid : 3
Surau : 8
Tokong : 6
Kuil : 1

Pendidikan

Sekolah Rendah : 6
Sekolah Menengah : 4
Sekolah Jenis Kebangsaan Cina : 2

InfografiK : MELAKA HARI INI

Penduduk rayu beberapa isu dapat diselesaikan

PENDUDUK kawasan DUN Banda Hilir merayu agar kerajaan negeri serta pihak berkuasa tempatan dapat menyelesaikan beberapa isu yang membelenggu mereka sejak sekian lamanya.

Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK) Banda Kaba, Mohd Ariff Esman berkata, isu seperti bangunan terbiar serta masalah gelandangan yang masih berkeliaran di kawasan tumpuan orang ramai terutama pelancong luar yang datang bersiar-siar di pusat bandar.

Menurutnya, masalah gelandangan termasuk isu banjir kilat masih terus menghantui penduduk seperti tiada penghujungnya.

"Kalau berjalan-jalan di kawasan bandar terutama tempat tumpuan orang ramai, kita masih

dapat lihat gelandangan yang tidur di kaki lima kedai, betul-betul dalam kawasan pusat bandar.

"Pemandangan ini amat memalukan dan sudah pasti menjejaskan imej negeri Melaka sebagai negeri pelancongan," katanya ketika ditemui MHI.

Mohd Ariff berkata, biarpun sudah ada tindakan diambil oleh pihak berkuasa terbabit dengan menempatkan orang gelandangan tersebut ke penempatan khas untuk golongan itu, namun masalah yang sama tetap berlaku.

"Memang ada tindakan diambil oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) tetapi malangnya akan ada lagi kumpulan gelandangan baharu yang akan datang pula.

"Golongan ini mesti muncul di tempat-tempat

pelancong kerana mungkin mereka tahu kawasan tersebut akan menjadi tumpuan, jadi mudahlah mereka raih simpati orang ramai," katanya.

Mohd Ariff turut melahirkan kebimbangannya mengenai tahap keselamatan bangunan usang dan terbiar dalam DUN Banda Hilir.

"Banyak juga bangunan terbiar yang struktur binaannya diperbuat daripada kayu dan kini semakin rapuh, saya khuatir bila-bila masa ia boleh runtuh," katanya.

Sehubungan itu, beliau merayu keperihatinan pihak berkuasa terbabit agar segera menangani masalah bangunan terbiar dalam DUN Banda Hilir sekali gus mengundangi kecelakaan yang tidak diduga nanti.



ARIFF



MIMBAR MAIM

"Benar-benar sangat beruntung orang-orang yang membersihkan diri dengan beriman dan sentiasa berzikir menyebut nama Tuhannya serta mengerjakan sembahyang." (Surah Al-A'la, ayat 14-15)

"Demi sesungguhnya! Kami akan menguji kamu dengan sedikit ketakutan, kelaparan, dan kekurangan dari harta benda serta jiwa dan hasil tanaman. Dan berilah khabar gembira kepada orang yang sabar." (Surah Al-Baqarah, ayat 155)

Peranan MAIM di musim pandemik

Erwin Abu Hasan
erwin@maim.gov.my

RAMAI yang hilang pekerjaan dan terjejas sumber pendapatan khususnya masyarakat Islam di negeri ini akibat pandemik Covid-19 sejak tahun lalu, terutama dengan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Berat mata memandang, berat lagi bahu yang memikul dan itulah perumpamaan yang dapat digambarkan terhadap masyarakat hari ini yang menerima kesannya, dan

terkini adalah pelaksanaan PKP 3.0, menyebabkan permohonan bantuan zakat terus meningkat.

Kesan berantainya, banyak yang dibuang kerja atau terpaksa menutup perniagaan malah fenomena ini menjadi asbab utama kepada lahirnya kemiskinan baharu.

Harus diingat, kemiskinan yang tidak terkawal, boleh mencetuskan pelbagai implikasi sosial antaranya jenayah kekerasan, ragut, rompak malah tidak mustahil berlakunya rusuhan dan keka-

// MAIM akan memastikan umat Islam yang terjejas dengan pandemik ini mendapat hak mereka, paling minimum pada tahap yang paling asas, iaitu dharuriyat. //

cauan.

Jadi, di sini menjadi peranan majlis agama Islam negeri khususnya MIAM dalam membantu pemerintah secara tidak langsung agar 'kekaucauan' berkenaan tidak berlaku.

Dalam konteks ini, MAIM berperanan aktif berpandukan tiga tahap keper-

luan manusia, iaitu dharuriyat (asasi), hajiyat (kemudahan dan kelapangan) dan tahsiniyat (kesempurnaan).

Dalam hal ini, sudah pastinya MAIM akan memastikan umat Islam yang terjejas dengan pandemik ini mendapat hak mereka, paling minimum pada tahap yang paling asas, iaitu dharuriyat.

Malah dengan menjaga keperluan dharuriyat itu juga bererti MAIM memastikan pelaksanaan maqasid syariah turut dipatuhi.

Ini kerana, keperluan tahap dharuriyat itu termasuklah menjaga agama, nyawa, akal, keturunan dan harta daripada binasa.

Begitu juga menjaga nyawa agar tidak berlaku pertumpahan darah kerana kekaucauan akibat kebuluran, menjaga akal agar tidak ada yang bertindak nekad membunuh diri atau menjadi gila

kerana tekanan hidup.

Seterusnya menjaga keturunan agar tidak ada yang tergamak menjual kehormatan demi sesuap makanan dan menjaga harta, supaya tidak berlakunya jenayah ragut, curi dan sebagainya.

Kesimpulan disini, MAIM akan terus berusaha membantu dalam ruang lingkup yang diizinkan syarak selaras dengan maqasid syariah seperti melengkapkan keperluan asasi asnaf dan mereka yang terkesan sepanjang tempoh pandemik ini.



SKUAD Agihan Zakat Melaka (SAZ) MAIM sentiasa menyantuni asnaf yang memerlukan pada setiap masa.



TIMBALAN Pengerusi MAIM, Datuk Wira Md Rawi Mahmod menyampaikan sumbangan kit makanan dan wang tunai kepada sebuah keluarga yang kematian ketua keluarga akibat Covid-19.



LAPORKAN KEPADA MAIM MEREKA YANG DALAM KESUSAHAN

Melaka Tengah | 06-283 7416 / 06-284 9809
06-288 1881 / 06-288 1882

Jasin | 06-529 8415
06-529 8417

Alor Gajah | 06-384 2699

Merlimau | 06-263 9505

Website | www.maim.gov.my

Email | admin@maim.gov.my

Youtube | majlis agama islam melaka Facebook | facebook/maimmelaka



Zakat Diberkati, Asnaf Disantuni

"Pengagihan zakat yang telus amanah kami"

Erwin Abu Hasan
erwin@maim.gov.my



SERAHAN 550 kit kesihatan dan perubatan oleh Majlis Agama Islam Melaka (MAIM) melalui Bilik Gerakan Covid-19 Agensi Agama Islam Melaka ke Pusat Kuarantin dan Rawatan COVID-19 Berisiko Rendah (PKRC) Pusat Dagangan Antarabangsa Melaka (MITC) Ayer Keroh baru-baru ini. Kit berkenaan mengandungi pelitup muka, sanitasi tangan dan ubat-ubatan serta pil vitamin dan akan diserahkan kepada pesakit Covid-19 di PKRC berkenaan.



CAPAI OBJEKTIF... Penutupan ringkas Pusat Pemberian Vaksin (PPV) sekitar masjid di negeri ini telah disempurnakan oleh Penasihat Agama Ketua Menteri, Datuk Kamarudin Sidek. Sebanyak 4 buah masjid telah melaksanakan program berkenaan dengan pemberian 7,544 dos vaksin kepada penduduk negeri ini. Hadir sama Setiausaha MAIM, Muhammad Ikram Ibrahim dan mendapat kerjasama Jabatan Agama Islam Melaka (JAIM) dan Pertubuhan Amal Perubatan Ibnu Sina Malaysia (PAPISMA) Melaka.



MUFTI Negeri, Datuk Wira Abdul Halim Tawil menyampaikan alat ukur tanah (Total Station) kepada Setiausaha MAIM, Muhammad Ikram Ibrahim bagi kegunaan bersama proses kerja berkaitan teknikal pengukuran tanah wakaf dan baitulmal. Turut disampaikan Buku Manual Pengurusan Harta Pusaka Baitulmal MAIM kepada Jabatan Mufti Negeri Melaka (JMNM) sebagai rujukan bersama berkaitan hal ehwal harta pusaka Islam di negeri ini. Turut kelihatan Pengurus Baitulmal MAIM, Tuan Haji Mohd Sharif bin Somathulla.

COVID-19 **DEFINISI KONTAK RAPAT DAN KONTAK KASUAL**



KONTAK RAPAT

Individu yang berhubung secara langsung dengan kes positif COVID-19, sama ada bersemuka lebih daripada 15 minit pada jarak kurang daripada 1 meter tanpa memakai pelutup muka atau bersentuhan.

KONTAK RAPAT TERMASUK:

1. Ahli keluarga atau individu yang tinggal serumah
2. Rakan sekerja yang bekerja dalam ruang yang sama
3. Rakan sekelas
4. Berada dalam kenderaan yang sama dalam lingkungan jarak dua tempat duduk

KONTAK KASUAL

Individu yang berada dekat dan berkemungkinan terdedah kepada kes positif COVID-19 tanpa diketahui. Individu ini berisiko rendah untuk dijangkiti berbanding kontak rapat.

Kontak kasual termasuk individu yang telah dikenalpasti mempunyai kontak dengan kes positif COVID-19 di tempat tertentu pada waktu yang sama dengan kes positif COVID-19 berdasarkan MySejahtera Check-ins.

VS



myhealthkkm



PUTUSKAN RANTAIAN COVID-19

Tunaikan Zakat Harta Secara Dalam Talian

- ✓ Jimat Masa
- ✓ Mudah
- ✓ Cepat



- Online Izakat** www.izakat.com **FPX**
- Online Channel** **e-BAYAR** **myeg** **Jom PAY**
- Online Banking** **BANK ISLAM** **HSBC** **AMANAH** **AGRO BANK** **CIMB ISLAMIC** **POS MALAYSIA** **HongLeong** **BSN** **Maybank**
- Mobile Apps** **MelakaPay** **App Store** **Google Play**

Talian Zakat: **1-300-88-0233** [Zakat Melaka](https://www.facebook.com/ZakatMelaka) [zakat.melaka](https://www.instagram.com/zakat.melaka) www.izakat.com



Hanya **2.5%**

“Sedikit Diberkati, Banyak Dikongsi”

Beribadah Di Hujung Jari, Layari: www.izakat.com



KAUNTER CAWANGAN ZAKAT MELAKA



ALOR GAJAH
Tingkat Bawah, SP 35, Jalan Sungai Petal Permal Utama, Taman Sungai Petal Permal 1, 78000 Alor Gajah, Melaka
No.Tel: 06-556 2340

MASJID TANAH
Tingkat Bawah, Bangunan Tabung Haji, 78300 Masjid Tanah, Melaka.
No.Tel: 06-384 5453

MELAKA TENGAH

JASIN
Kompleks Pejabat Agama Islam & Mahkamah Syariah Daerah Jasin, 77000 Jasin, Melaka.
No.Tel: 06-529 4635

MERLIMAU
JC 153, Jalan BMU 7, Bandar Baru Merlimau Utara, 77300 Merlimau, Melaka.
No.Tel: 06-263 3148

IBU PEJABAT
Zakat Melaka, No 1, 3 & 5, Jalan PNBS 1, Pusat Niaga Bukit Baru, Bandar Bukit Baru Seksyen IV, 75150, Bukit Baru, Melaka.
No.Tel: 06-201 8154

Sila Patuhi SOP:

#jamtunaikanzakat
#terimakasihpembayarzakat
#wandaheroasnaf
#sflaysafe
#melakamestimenangcovid19

Imbas Kod QR

Waktu Operasi Ibu Pejabat & Cawangan Zakat Melaka
(Alor Gajah, Masjid Tanah, Jasin & Merlimau)

Isnin - Jumaat : 9.00 pagi - 1.30 petang
Cawangan Jasin : 9.00 pagi - 12.30 tengahari
Sabtu, Ahad & Cuti Umum (TUTUP)

Waktu Operasi Kaunter Zakat Melaka UTC & PULAU SEBANG : DITUTUP SEMENTARA

www.izakat.com | Zakat Melaka | zakat.melaka | Zakat Melaka

MAKLUMAN



SAGUHATI ANUGERAH CEMERLANG ANAK ASNAF (FAKIR, MISKIN & MUALLAF) MAJLIS AGAMA ISLAM MELAKA

KEPUTUSAN PEPERIKSAAN 2020

Dokumen-dokumen yang diperlukan :

- Salinan keputusan peperiksaan (SPM, STAM dan STPM bagi Tahun Peperiksaan 2020 SAHAJA)
- Salinan kad pengenalan penerima bantuan MAIM
Salinan kad pemelukan Islam (Jika ada)
- Salinan kad pengenalan anak
- Nombor telefon terkini

Hantarkan Ke :
Aplikasi WhatsApp
Unit Pembangunan dan Usahawan Asnaf
011 - 5891 4140
sebelum/pada

30 September 2021 (Khamis)

Sebarang pertanyaan boleh hubungi talian hotline:

Unit Pembangunan Asnaf	011 - 5891 4140	Agihan Zakat Caw. Alor Gajah	06 - 384 2732
Agihan Zakat Melaka Tengah	06 - 288 1881	Agihan Zakat Caw. Jasin	06 - 529 8417
Agihan Zakat Caw. Merlimau	06 - 263 9504	Balai Islam	06 - 337 2873

APLIKASI JEJAK ASNAF (MAJLIS AGAMA ISLAM MELAKA)

BANTU KAMI JEJAK ASNAF (KHAS UNTUK RAKYAT NEGERI MELAKA)

MUAT TURUN SEKARANG DI **GOOGLE PLAY** dan **APP STORE**

01 **DAFTAR PENGGUNA** | 02 **LAPOR ASNAF** | 03 **SEMAK LAPORAN**

MOBIL JEJAK ASNAF MAIM
Majlis Agama Islam Melaka telah membangunkan sebuah Aplikasi Mobil Jejak Asnaf yang bertujuan memberi kemudahan rakyat negeri Melaka untuk menyampaikan maklumat individu yang memerlukan bantuan kebajikan di bawah saluran dana zakat Negeri Melaka

01 SALURAN KEMUDAHAN BAGI PENYAMPAIAN MAKLUMAT BERKAITAN INDIVIDU YANG MEMERLUKAN BANTUAN

02 KES-KEK VIRAL YANG BERLAKU DAPAT DIERANGKAN

03 MELAKSANAKAN RAKYAT YANG PERHATIN TERHADAP KEUSUKAN ASNAF

04 CARA TERBAH MENJADI LEBIH BERTAMBAH DAN SISTEMATIK

05 SISTEM INI BOLEH DIGUNAKAN OLEH SESIAPA SAHAJA DAN DI MANA-MANA

01 **PENDAFTARAN PENGGUNA** BAGI KALAU PERANGA MENGGUNAKAN SISTEM INI

02 **SEMAK ASNAF** SEMAY ASNAF SAMA ADA TELAH BERDAFTAR DENGAN MAIM ATAU TERAK

03 **ISI MAKLUMAT ASNAF** ISI MAKLUMAT ASNAF ATAU DISEMUKAN YANG MEMERLUKAN BANTUAN BERKAITAN KATEGORI YANG DITAMBAH

04 **SEMAK STATUS** SEMAK STATUS MAKLUMAT JADUAN YANG TELAH DIBUAT

05 **INFOGRAFIK** BERKAITAN ADUAN YANG TELAH DIBUAT

@maimmelaka



APA ITU CORONAL MASS EJECTION (CME)?

PERMUKAAN MATAHARI
Suatu gelembung gas besar yang meletus keluar daripada permukaan matahari. Letusan ini akan bertambah aktif apabila menjelang waktu puncak maksimum kitaran suria.

KITARAN SURIA

Kitaran suria dijangka akan mencapai maksimum pada bulan Julai 2025, Kitaran suria maksimum dan minimum akan berulang pada setiap 11 tahun.

KESAN KEPADA BUMI

Bumi kita akan mengalami Aurora, gangguan bekalan kuasa elektrik, sistem komunikasi serta gangguan satelit komunikasi.


KESIHATAN MANUSIA

Fenomena ini tidak akan menyebabkan kesihatan badan terganggu seperti tidak sihat atau tidak selesa termasuklah degupan jantung bertambah cepat, pening kepala atau dehidrasi.

SOALAN LATIHAN & TEKNIK
MENJAWAB SPM
SUBJEK: BAHASA INGGERISJOM BERSAMA KIBGIM MENDIDIK &
MENGINSPIRASI
HUBUNGI: 011-15116270 / 019-2886270

WWW.KIBGIM.COM SCAN HERE

SMART A+



Overview of Writing Test Tasks

Parts 1 and 2 are compulsory and there is no choice of question. In part 3, candidates have a choice and there are three different tasks to choose from.

Part 1 (Compulsory task) (A2 Level)

- Candidates have to write an email to a friend in about 80 words

Part 2 (Compulsory task) (B1 Level)

- Candidates have to write an essay in about 150 words

Part 3 (Candidates have a choice of task) (B2 Level)

- This part has three questions or tasks to choose from.
- The tasks types may include an article, a review, a report or a story and candidates have to choose one. They have to write about 250 words.

Extended Writing
3 questions
20 marks
Require length: 250 words.

In part 3, candidates have a choice and there are three different tasks to choose. The tasks types may include an article, a review, a report or a story and candidates have to choose ONE. They have to write for about 250 words.

There are three steps to follow:

- Step 1: Planning and brainstorming ideas
- Step 2: Drafting—Crafting
- Step 3: Improving

Planning and brainstorming ideas

- ✓ Choose the easiest topic to write about
- ✓ Brainstorm your ideas for each point listed and choose the ones with more contents to write.

Drafting—Crafting

- ✓ Expand your ideas into paragraphs
- ✓ Make sure to include further explanation and examples

Improving

- Step 1: Give a fancy and catchy introduction to your writing
- Step 2: Address the tasks in the question
- Step 3: Elaborate by giving examples or details
- Step 4: Use some cohesive devices and connectors
- Step 5: End your essay nicely
- Step 6: Check your grammar

Tips and Techniques

1. Read the question.
2. Plan and organize the structure of the essay.
3. Each paragraph must have one main idea.
4. There must be a **topic sentence** supported by relevant **supporting details**.
5. Use all the points given.
6. Elaborate on the points.
7. Use **suitable expressions** and **vocabulary** for the target audience.
8. Use **suitable connectors** - to link the ideas
9. Check **spelling** and **punctuation**.

Raising Money for Charity

- What kind of charity do you want to raise money for?
- How do you plan to raise the money?
- Who will help you?

Write a report answering these questions.

Write your report.

Tips to remember when writing a report

- Report starts with a title
- Report must have an introduction that clearly targets to question
- The following paragraphs must focus on answering the required tasks in the question
- The report must be well organized and points must be clearly arranged based on the requirement in the question
- The report must always have an overall summary of the important points plus recommendation based on what the question required

Please remember **A REPORT IS A FORMAL AND FORMATED PIECE OF WRITING**

SUGGESTED ANSWER:

You are the **President of the English Language Society**.

Recently **the teacher-in-charge gave you an option to raise money for a few causes**.

What kind of charity do you want to raise money for?

Raised money for the flood victims in the village in the state.

How do you plan to raise the money?

Had a bake sale.

Who will help you?

The English Language Society members

Report of raise money for the flood victims

One of the teacher-in-charge gave an option to raise money for charity. As the President of the English Language Society, I carried out the task given by the teacher.

I found out that recently a village in my district was flooded. Many of the victims are poor and some are homeless. I decided to raise money for the flood victims in the village.

English Language Society member were divided into two groups. My committee members and I organized a meeting to decide on how to raise the money. After throwing out a lot of ideas, in the end all of us decided that the best way to raise money is to have a bake sale.

We asked a few members who are good at baking to bake cakes. They happily agreed to help us while the rest of the members set up a stall at the school canteen and sell the cakes. A lot of students bought the cakes. They wanted to help the needy. They also like the cakes. The teachers bought some cakes in order to support our good cause. We were extremely happy to receive a good response.

The English Language Society managed to raise quite a lot of money for the flood victims. The program was an enjoyable for us. All the English Language Society members cooperated and helped to organize the program. We plan to carry out more interesting activity next year.

Reported by,
Diana Lim
(Diana Lim)
President of the English Language Society

Kukuh pelaburan di Melaka

Hatten Land teroka perlombongan mata wang kripto, tenaga solar



A Jalil Hamid

AYER KEROH - Hatten Land Ltd Singapura merancang untuk meneroka perlombongan mata wang kripto dan tenaga solar di Melaka bagi mengukuhkan lagi pelaburannya di negeri bersejarah itu.

Menyifatkan perjanjian itu sebagai 'tonggak penting' bagi kumpulan itu, Hatten Land berpandangan ia sejajar dengan rancangan transformasi digitalnya untuk meningkatkan nilai pemegang sahamnya secara lestari.

Hatten Land berkata, anak syarikatnya yang dimiliki sepenuhnya Hatten Technology dan rakannya Singapura Myanmar Investco (SMI) akan memasang mesin perlombongan mata wang kripto dalam hartanah kumpulan itu di Me-

laka.

Ia kini mengendalikan enam pusat beli-belah dengan keluasan lebih dari enam juta kaki persegi di Melaka selain juga memiliki empat hotel di negeri ini.

Hatten Land dalam satu kenyataan yang dikeluarkan 16 Sept lepas berkata, pihaknya berhasrat untuk memana-mana sehingga 2,000 mesin mata wang kripto di pusat perlombongan mata wang kripto berteknologi hijau.

Dijangkakan pemasangan untuk mengendalikan peralatan itu akan bermula Disember ini.

Kedua-dua pihak, Hatten Land dan SMI telah pun menandatangani memorandum perjanjian persefahaman (MoU) untuk bersama-sama meneroka perniagaan perlombongan kripto.

MoU berkenaan akan memberi nilai tambah kepada Hatten Technology dari segi pengurusan kemudahan perlombongan kripto berteknologi hijau selain memanfaatkan aset kumpulan dan menurunkan kos tenaga untuk memulakan aktiviti cekap tenaga.

Hatten Land dalam kenyataan itu turut memaklumkan telah menandatangani kerjasama strategik untuk memajukan pusat beli-belah dan tanah dengan tenaga solar.

Anak syarikatnya, Hatten Commercial Management Sdn Bhd, telah menjalin perjanjian kerjasama strategik dengan Neston Sustainable Solutions Sdn Bhd untuk meneroka peluang yang berkaitan dengan tenaga suria.

Nestcon Sustainable dimiliki sepenuhnya oleh Malaysia's Nestcon Bhd.

Di bawah perjanjian itu, kedua-dua pihak akan berusaha untuk memeterai perjanjian selama setahun untuk membentuk usaha sama (JV) dan atau konsortium dengan rakan syarikat lain. JV atau konsortium akan memasang dan menguruskan panel solar di bangunan-bangunan Hatten Land di Melaka.

Hatten Land berkata, dianggarkan 6,373 panel solar buat julung kalinya akan dipasang di pusat beli-belah terbesar di Melaka, Dataran Pahlawan Melaka Megamall. Panel berkenaan akan menghasilkan sumber tenaga solar sehingga 3.19 MWp.

Hatten Land dan Nestcon juga akan bersama-sama memanfaatkan rakan berpotensi lain untuk membekalkan, membina dan menguruskan loji solar 'photovoltaic' dan kemudahan lain di Malaysia.

Hatten Land mengatakan, kerjasama itu diharapkan dapat menurunkan kos tenaganya, mempercepat usaha kelestariannya dan menyokong inisiatif perlombongan kripto berteknologi hijau.

Pengerusi Eksekutif dan Pengarah Urusan Hatten Land Datuk Colin Tan berkata, aktiviti perlombongan kripto 'hijau' akan membolehkan Hatten Land memanfaatkan

aset yang ada di Melaka, memanfaatkan inisiatif tenaga boleh diperbaharui sendiri dan mewujudkan aliran pendapatan baru dengan hasil perlombongan mata wang kripto.

"Semangat kami juga berkobar-kobar untuk memulakan kolaborasi tenaga solar dengan Nestcon, pada waktu kelestarian yang menjadi semakin penting hari ini.

"Menggabungkan usaha dan segala sumber yang ada, kami yakin perkongsian itu akan membolehkan lebih ramai mendapat manfaat peluang perniagaan baru dan meneruskan usaha kelestarian kami," katanya.

Afif Fikri juara pertandingan pantun

Norizan Muhid

PELAJAR tingkatan empat dari Sekolah Menengah Arab JAIM Assyakirin Selandar, Jasin muncul juara pusingan akhir Pertandingan Berbalas Pantun Berunsur Islam yang diadakan secara maya pada 11 Sept lepas.

Muhammad 'Afif Fikri Mohd Azim Fikri, 16, berjaya mengharumkan nama sekolahnya apabila diumumkan sebagai juara Membaca Pantun Kategori Pelajar Sekolah Menengah pada pertandingan yang bertemakan kemerdekaan, tamadun Islam dan peradaban dunia itu.

Menurut Afif, pertandingan tersebut adalah yang kedua disertainya sejak mula-mula melibatkan diri pada pertandingan pantun tahun lalu.

"Pertandingan pantun yang pertama saya sertai ialah sempena Karnival Lenggong lalu tetapi saya tidak menang cuma dapat suguhati dan menduduki tempat 16 terbaik peringkat kebangsaan.

"Pada mulanya saya tidak berminat dengan acara pantun ini namun lama kelamaan, apabila mula mendalami ilmu pantun ini, minat mula membenih dalam diri," katanya ketika dihubungi MHI.



MUHAMMAD Afif Fikri

Kemenangan itu membolehkan Afif membawa pulang wang tunai RM300, piala dan sijil pertandingan anjuran JAIM dengan kerjasama MAIM, Jabatan Pendidikan Negeri Melaka dan DMDI.

Penyampaian hadiah dan penutup pertandingan itu disempurnakan oleh Pengarah JAIM, Datuk Che Sukri Che Mat.

Selain kategori pelajar sekolah menengah, turut dipertandingkan kategori institusi pendidikan dan terbuka yang mana peserta Membaca Pantun perlu merakam video melafaz pantun empat kerat sebanyak empat rangkap dalam tempoh masa tidak lebih lima minit sepanjang penyertaan dibuka bermula 20 sehingga 27 Ogos lalu.

Hanya 15 peserta terpi-

lih dan video mereka akan dimuat naik di ruangan komen Facebook JAIM dan hanya sembilan layak ke peringkat akhir pertandingan.

Selain itu menurut Afif, dia mendapat bantuan daripada guru, Muhammad Fakhruurrazi Isnin, Guru Penolong Kanan Kokurikulum sekolah, Aslinah Masud yang turut sama memberi sokongan bagi menjayakan penglibatannya pada pertandingan itu.

Menurut anak kedua dari empat adik beradik itu, dia berasa bertuah kerana minatnya yang mendalam dalam bidang itu mendapat sokongan daripada kedua ibu bapanya yang juga pendidik, Mohd Azim Fikri Isnin dan Adibahwati Mohd Sidek.

"Selepas ini, saya berhasrat mahu mendalami lagi ilmu pantun, berguru dengan tokoh-tokoh pantun negara, sama ada belajar secara maya ataupun bersemuka.

"Saya mahu ajak generasi baharu sama-sama mendalami ilmu pantun ini agar 'harta' warisan bangsa Malaysia ini tidak pupus ditelan zaman," katanya yang bercita-cita menjadi seorang chef apabila tamat pengajian kelak.

Teratak pusaka hangus terbakar diganti baharu

Mohamad Fazrul Abdul Majid

PENGKALAN BATU - Hanya rasa syukur dapat dipanjatkan seorang ibu tunggal tiga anak apabila dihadiahkan sebuah rumah baharu oleh Tenaga Nasional Berhad (TNB), di Kampung Baroh, Bachang, di sini.

Sumbangan menerusi Projek Baiti Jannati TNB Melaka itu diberikan selepas teratak pusaka lebih 40 tahun yang didiami keluarga itu hangus terbakar dalam kejadian November tahun lalu.

Anisah Mamat, 42, berkata, kebakaran akibat tragedi menggoreng ayam itu membuatkan dia sekeluarga termasuk ibunya yang sakit terlantar tinggal sehelai sepinggang dan kerugian dianggarkan RM150,000 kerana gagal menyelamatkan barangan berharga termasuk wang tunai dan barang kemas.

Dia yang bekerja sebagai pengasuh di rumah dengan pendapatan bulanan sekitar RM400 hingga RM500 mengakui buntu memikirkan cara untuk menyediakan rumah baharu untuk keluarga termasuk ibu sakit terlantar keluarga selepas kejadian itu.

Namun, berkat kegigihannya memohon bantuan daripada wakil rakyat dan



NORHIZAM (tengah) ketika menyampaikan simbolik penyerahan kunci rumah Projek Baiti Jannati TNB Melaka kepada Anisah (kiri) sambil disaksikan Ahmad Fadhli (kanan).

TNB, dia dan keluarga kini menerima rumah lebih selesa di tapak tanah pusaka itu.

"Perasaan saya hanya Allah SWT sahaja yang tahu. Kami sangat gembira dan bersyukur dengan semua bantuan yang kami sekeluarga terima.

"Memang tidak sangka nasib kami mendapat perhatian ramai pihak. Kami bersyukur dan sangat terharu dapat rumah baharu yang cantik dan dibuat seikhlas hati," katanya.

Simbolik penyerahan rumah baharu itu disempurnakan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pengka-

lan Batu, Datuk Norhizam Hassan Baktee dan turut dihadiri Pengurus Besar (Hal Ehwal Pemegang Taruh) TNB Melaka, Ahmad Fadhli Aziz.

Ahmad Fadhli berkata, rumah tiga bilik bernilai RM50,000 itu adalah sebahagian inisiatif tanggungjawab sosial korporat (CSR) syarikat berkenaan menerusi peruntukan zakat perniagaan.

Jelasnya, sebanyak RM300,000 diperuntukkan TNB bagi pembinaan enam rumah baharu kepada insan terpilih terutama golongan asnaf dan ibu tunggal yang memerlukan.



PROF. Dato' Dr. Ahmad Murad Merican

EGYPTIAN/Greek astronomer, mathematician and geographer, Claudius Ptolemy calls the Malay Peninsula the Chersonesus Aurea ('The Golden Peninsula'). The Indians refer to it as the Land of Gold. The oldest surviving map of the Peninsula is the 13th century *Geographike Huphegesis* ('Guide to Geography') based on data collected by Ptolemy in the 1st century. The *Geography*, also known by its Latin names as the *Geographia* and the *Cosmographia*, is a gazetteer, an atlas and a treatise on cartography.

Ptolemy has enabled us to 'see' a trading system, between the East and the West through the Malay Peninsula route in the 1st century. Ptolemy's records have made possible the Sungai Batu excavations. Stone inscriptions, coins, archaeological artifacts have added to the pictorial evidence of Malaysia.


The earliest modern map of Malaya and Sumatra is by Martin Waldseemüller (1470 - 1518) in 1513. There is a woodcut, edited by Michael Servetus. Printed in Lyon, France in 1535, it featured trading posts on an oddly shaped peninsula that would persist on other European maps until the arrival of the Ferringhi.

There were local maps indigenous to the Malay Archipelago. The Portuguese had apparently used Javanese charts. The charts showed Brazil and Portugal. In her landmark book, Wendy Khadijah Moore (2004) introduces us to *Malaysia: A Pictorial History 1400 - 2004*. As the nation celebrates her 64th year, we wonder how our past looked like. The book presents a visual history of Malaysia.

She argues that a history in pictures has its limitations and its bias, created by the painter or photographer. Before the invention of photography in 1839, artists could easily eliminate whatever they did not want in their sketch or water color; while other elements are improved upon, or even invented. Imagination had a more important role than factual representation in the very first images of Malaysia.

Chapter 1 of the book is titled "The Malay World 1400 - 1849." The author begins by rendering the image of Melaka. Describing the Melaka Sultanate as the paragon of Malay culture and success, she brings us to imagine "of the palace with its seven-tiered copper roof, its

Maps, Renderings, Images: The Malay World before Photography



MALAYSIA: A Pictorial History 1400-2004 documents the history of Malaysia from the beginning of the Melakan Sultanate approximately 600 years ago to the emergence of Malaysia as a modern nation during the last two centuries.

mirrored walls and gilded doors, or of the players – the bejewelled sultans with their supernatural aura, the court with all its intrigues, the traders, artisans, scholars, and missionaries who created the 15th century empire..." Engravings from the 1,600s capture the Malay courts.

gravings of the day. She suggests that the party may be that of Admiral Pieter Willemzoon Verhoeff, on his way to the Johor court "to participate in a joyous celebration at the end of Ramadan in 1608."

Two importance written sources, commonly used by scholars on the Melaka Sultanate a

Description of Malacca, Meridional India and Cathay (1613). De Eredia, born in Melaka in 1563, was the son of a Bugis princess and a Portuguese. His sketches include the first 'realistic' renderings of a Malay wearing a sarong with his 'Crys' tucked in his waistband, a boat, and a durian and mangosteen.

/// THERE were local maps indigenous to the Malay Archipelago. The Portuguese had apparently used Javanese charts. The charts showed Brazil and Portugal. ///

One is titled "Carosse Royal de trente roues tire par douze Elephants" showing a royal party in an unusual canopied carriage pulled by a dozen elephants (see page 23 of the book). We do not know which Malay court the engraving depicts; and most likely from a description rather than a personal experience, as Moore describes on the many en-

century after its demise were the prose masterpiece, *Sejarah Melayu*; and the *Suma Oriental*. The latter by the Portuguese Tomé Pires. The chronicler described Melaka as having "no equal in the world."

Some of the oldest surviving illustrations of what is now Malaysia appeared in Gordinho de Eredia's

Another source for our imagination is from Chinese diplomatic and trading missions to Melaka. Named as the Wubeizi Chart, it serves as an illustrated map indicating tracks of vessels entering and departing the Melaka estuary, together with a stylized illustration of the hill overlooking the harbour. The Chart mentions many other ports

including Terengganu and its sea-side hill as well as a number of east coast islands.

The Melaka Sultan's palace and the great mosque was destroyed by the Portuguese. We can only see A Famosa the most illustrated structure of the Malay Peninsula of the 16th and 17th centuries. Drawn in naïve style, the earliest illustration dated 1515, depicts the fortress on the southern bank of Sungai Melaka, the covered bridge across it, the traders' town on the opposite bank and the Strait of Melaka in front - according to Moore, "pictorial elements that would survive for centuries as the quintessential image of Melaka."

Later, the *Hikayat Abdullah* (1849) describes the destruction of the fortress by the British in 1807, through Abdullah's image, a picturesque but decaying town. And the early years of Malaysia's visual history, the water colors and sketches depicting Pulau Pinang in the early 1800s were accurate albeit romanticized sources and historical documents. And lest we forget, the picture of the biggest deception in the nation's history - the crime in the acquisition of Pulau Pinang. It is the well known engraving drawn by Elisha Trapaud inscribed as "View of the North Point of the Prince of Wales Island and the Ceremony of Christening it" (1788). The '11 August 1786' event never happened. There was no permission, nor treaty, nor signatures. The image was surreal.

Trapaud attempts at a realistic rendering, showing not only the British, but Malay structures – houses, and the hills of Bukit Bendera running through the centre of the island in the background, and what would probably be orchards in between. The spot was Tanjong Penaga. Trapaud's engraving erased the town/port from the map. To rephrase Abdullah Munshi almost five decades later, "...a new world is created and all around us is change..." and distortion.

**NEXT WEEK:
The Kadazandusun
and Fuad Stephens**

*Prof. Dato' Dr. Ahmad Murad Merican is Professor of Social and Intellectual History with the International Institute of Islamic Thought and Civilization, International Islamic University (ISTAC-IIUM). He is a Senior Fellow with the Southeast Asia Research Centre and Hub at De La Salle University, Manila, the Philippines.



DR. Shankar Gunarasa



KANSER perut atau istilah perubatan ‘gastric carcinoma’ adalah kanser keenam tertinggi di Malaysia. Walaupun kadar insiden semakin berkurang sejak 10 tahun kebelakangan ini, namun tetap juga ada beratusan pesakit yang meninggal dunia di sebabkan oleh kanser perut ini.

Kanser perut berlaku di sebabkan oleh perubahan sel di lapisan perut yang tidak terkawal dan tidak normal. Akibat daripada ketumbuhan yang tak terkawal ini, timbulnya ketumbuhan di lapisan perut.

Jika di lihat serata dunia, insiden kanser perut ini adalah tertinggi di Jepun. Ini disebabkan tabiat yang suka memakan makanan yang disalai dan dijeruk sejak turun temurun oleh masyarakat Jepun. Kini insiden kini semakin kurang kerana ujian saraingan OGDS (endoskopi) yang dilakukan di Jepun sejak beberapa tahun yang lalu, telah menolong mengurangkan insiden kanser perut.

Bagaimana pula di Malaysia? Kes di Malaysia berlaku lebih kepada golongan yang berusia 50 tahun ke atas dan lebih menular dalam kaum Cina, diikiti dengan Melayu dan India. Dari segi jantina, kaum lelaki lebih cenderung menghadapi masalah ini.

Seperti kanser yang lain, pesakit kanser perut dapat sembuh sepenuhnya sekiranya dapat dikesan dan dirawat pada peringkat awal. Malangnya kebanyakan kanser perut ini gagal untuk dikesan pada peringkat awal kerana gejala-gejala awal kurang dirasakan oleh pesakit dan diagnosis kerap dibuat pada peringkat yang lanjut.

SIMPTOM-SIMPTOM KANSER PERUT

Kanser perut ini kebiasannya akan mengambil masa yang lama, sehingga bertahun-tahun sebelum menampakkan simptom. Secara lazimnya, pesakit tidak menunjukkan simptom dan hanya bila ketumbuhan kanser menjadi besar, simptom tersebut akan dirasakan oleh pesakit. Apakah simptom simptom kanser perut ini? Antara simptomnya ialah

- Sakit di ulu hati yang berpanjangan.
- Muntah darah.
- Pembuangan najis yang berwarna hitam.
- Loya dan muntah.
- Hilang berat badan.
- Bengkak ulu hati.
- Pembengkakan kelenjar limpa terutamanya di leher (*Virchow's node*).
- Kembang perut terutamanya selepas makan.
- Ujian darah menunjukkan kandungan hemoglobin rendah daripada yang normal.

Kanser Perut



Kanser perut ini kebiasannya akan mengambil masa yang lama, sehingga bertahun-tahun sebelum menampakkan simptom.

ataupun ketumbuhan. Biopsi akan diambil sekiranya terdapat ketumbuhan di perut. Bagi kanser yang besar, CT abdomen adalah salah satu modaliti yang baik untuk melihat saiz kanser perut tetapi juga untuk staging atau mengesan tahap kanser perut.

Rawatan untuk kanser perut termasuk

1. Pembedahan

Dilakukan untuk mengeluarkan sebahagian atau keseluruhan perut untuk mengurangkan komplikasi dari ketumbuhan tersebut.

2. Rawatan kemoterapi

Rawatan alternatif sekiranya pembedahan tidak dapat dilakukan.

- Dilakukan untuk mungurangkan kesan merebak sel-sel kanser ke organ atau limpa yang berdekatan.

3. Immunotherapy

Rawatan yang mengaktifkan sistem imun dalam tubuh pesakit untuk membolehkan sistem imun membezakan antara sel-sel kanser dan sel-sel yang baik.

Sekiranya anda perlu mengetahui lebih lanjut bertentangan kanser perut dan rawatannya, anda boleh berhubung dengan saya, **Dr Shankar Gunarasa, Pakar Bedah Umum, Laparoskopi dan Kolorektal di Pantai Hospital Ayer Keroh Melaka di talian 06 2319999 sambungan 2131.**

Kes di Malaysia berlaku lebih kepada golongan yang berusia 50 tahun ke atas dan lebih menular di kaum Cina, di ikuti dengan kaum Melayu dan India.

Seperti kanser yang lain, kanser perut ada faktor risikonya. Antaranya ialah

I. Jantina

Kaum lelaki lebih berisiko mendapat masalah ini berbanding golongan wanita, hampir dua kali ganda.

II. Usia

Lebih berlaku selepas usia 50 tahun, namun dengan cara hidup yang tidak sihat and tabiat makanan yang kurang serat, insiden kanser perut boleh berlaku pada usia yang muda.

III. Kaum

Berdasarkan statistik pada tahun 2006, kebanyakan pesakit kanser perut adalah dalam kalangan kaum Cina sebanyak 61.7%, Melayu (25.9%) dan India sebanyak 12.4%.

IV. Helicobacter pylori

Sejenis bakteria yang di dinding perut yang ditemui dalam kalangan pesakit kanser perut.

- Bacteria adalah salah satu risiko untuk kanser perut.


V. Merokok & alkohol

VI. Diet

Mereka yang suka memakan makanan yang tidak berserat, makanan yang disalai atau dijeruk lebih cenderung untuk menghadapi risiko kanser perut.

Bagaimanakah kanser perut boleh dikenalpasti? Biasanya di Malaysia, kanser perut di temui pada tahap yang lewat.

Namun sekiranya kanser perut ini dikenalpasti pada peringkat awal, ianya boleh memberi prognosis yang baik. Ujian OGDS (endoskopi) adalah salah satu cara dan cara utama kanser perut didiagnosis. Dalam prosedur OGDS ini, kabel fiberoptik yang hujungkan kamera digunakan untuk memeriksa bahagian dalaman perut. Kamera tersebut akan melalui laluan esophagus sebelum memasuki perut. Di dalam perut, permukaan dinding akan diperiksa bagi melihat sebarang perkara yang tidak normal.



Tiga pantai peranginan kembali meriah

Din Ahmad

TANJUNG BIDARA – Pantai peranginan Padang Kemunting, Pengkalan Balak dan Kuala Sungai Baru kembali ceria dengan kehadiran pengunjung selepas lebih tiga bulan sepi akibat Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0.

Tinjauan di ketiga-tiga pantai berkenaan pada 12 Sept lepas mendapati pantai yang sebelum ini sunyi sepi, kini meriah dengan suara pengunjung yang mandi-manda dan berkecil-kecil bersama keluarga masing-masing.

Pengunjung, Rosman Ibrahim, 45, dari Krubong berkata, dia dan tiga anggota keluarganya mengambil kesempatan cuti hujung minggu untuk beriadah selepas sekian lama 'terperap' di rumah.

"Alhamdulillah, saya, isteri dan anak perempuan berusia

20 tahun sudah lengkap dua dos vaksin dan boleh beriadah di sini tanpa perlu bimbang dikompaun," katanya ketika ditemui di pantai Padang Kemunting, di sini.

Sarimah Mohd Ali, 32, berkata dia dan suami beriadah di pantai Pengkalan Balak tanpa membawa dua anak berusia 5 dan 8 tahun bagi mengelak mereka dijangkiti COVID-19.

"Kami sudah lengkap dua dos dan tidak mahu anak kami menanggung risiko dan biarlah mereka berada di rumah bersama pembantu rumah," katanya yang datang dari Cheng.

Sementara itu, pengusaha inap desa di pantai Pengkalan Balak, Zulkifli Abdul Hadi, 63, berkata dia sudah mula menerima tetamu sejak minggu lalu tetapi tidak mengabaikan prosedur operasi standard (SOP) bagi mengelakkan dikenakan kompaun mengikut Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342).

Selain mempraktikkan SOP ditetapkan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dengan ketat bagi mencegah penularan pandemik COVID-19, dia sanggup mengeluarkan kos agak besar mendapatkan mesin sanitasi asap yang berfungsi membunuh kuman dalam bilik inap desanya.

"Saya mengambil nama dan suhu badan setiap tetamu, selain menyediakan cecair pembasmi kuman untuk mereka bagi memastikan hanya tetamu sihat dan tidak ada sindrom wabak berkenaan yang memasuki premis itu.

"Saya membelanjakan lebih RM500 untuk mendapatkan mesin sanitasi asap dan setiap kali selepas tetamu mendaftar keluar, saya pasang mesin itu untuk mengasapkan seluruh bilik selama lima minit," katanya.



PANTAI peranginan Padang Kemunting dan Pengkalan Balak di Masjid Tanah kembali ceria dengan kehadiran orang ramai dari luar daerah Masjid Tanah.



ZULKIFLI (kanan) dan isteri, Zuraidah Sharif, 50, mencuba mesin sanitasi wap bagi membasmi kuman dalam bilik di inap desanya di pantai peranginan Pengkalan Balak.

HADIAH BERNILAI LEBIH
RM30 JUTA
MENANTI ANDA DENGAN BSN SSP 2021!



BSN

57 Jutawan BSN SSP telah dilahirkan, 14 lagi bakal muncul!

Lebih hebat BSN SSP pada tahun ini. Rebut peluang untuk memenangi pelbagai ganjaran menarik yang ditawarkan.

Simpan minimum RM3,000 dengan BSN SSP dan anda berpeluang menjadi salah seorang jutawan melalui Cabutan Istimewa kami.

Kempen tamat: **31 Disember 2021**

Saluran menyimpan:

Melalui cawangan BSN atau Ejen Bank Berdaftar (EB)



Melalui BSN ATM / CDM



Melalui www.bsn.com.my

Gambar sekadar ilustrasi. Tertakluk pada terma dan syarat.

Keris senjata warisan 'Melayu' zaman berzaman

Fiqa Jamal

KERIS merupakan simbol kepahlawanan Melayu satu ketika dahulu, adalah sejenis senjata ampuh warisan budaya Nusantara yang sangat popular.

Diperbuat daripada besi yang pelbagai, bilah keris yang dibentuk dengan begitu teliti, menjadikan senjata warisan Melayu itu semakin mendapat tempat dalam kalangan peminatnya dari dalam dan luar negara.

EMPU BESI

Pembuat keris yang mahir atau dikenali sebagai 'empu besi' akan memilih besi yang elok dan sesuai dengan bilah keris yang akan dibuat.

Bagi seorang empu besi, Abu Dzar Abdullah, 37, berasal dari Kampung Kandang, Telok Mas berkata proses pembuatan keris bermula daripada pemilihan besi sehingga siap sarungnya.

LIMA PROSES UTAMA BUAT KERIS

Katanya, sekurang-kurangnya, lima peringkat proses pembikinan keris akan dilalui 'empu besi' sebelum senjata tersebut boleh digunakan.

Ujarnya, proses tersebut termasuklah dari segi pemilihan besi mencantun, mencampurkan besi, mengetuk, mencanai, membentuk, melurah, menyiapkan bilah keris dan membuat sarung serta hulu keris.

WARISI MINAT

Jelasnya, dia yang mewarisi ilmu pembuatan keris daripada bapanya sejak berusia 23 tahun sering juga mempelajari ilmu pembuatan keris di merata tempat termasuk di negeri Kelantan, Selangor dan Pahang.

"Keris ini ada peminatnya tersendiri, saya mula minat buat keris sejak berusia 23 tahun, saya tengok ayah buat, lepas tu ada juga belajar dari pakcik-pakcik di sekitar Melaka dan belajar dengan empu besi di Kelantan, Pahang dan Selangor.

"Bermula dari minat, saya jadikan ini kerjaya saya sehingga kini lebih 10 tahun saya berkarya dan menjana pendapatan dari membuat keris.

"Ilmu yang diperolehi itu saya jadikan pedoman untuk menghasilkan produk lebih berkualiti.

"Antara pelanggan saya yang paling jauh menempah keris adalah dari Amerika Syarikat dengan nilai RM5,000," kongsiannya.

PROSES BUAT KERIS

Meninjau proses pembikinan keris di bengkel



ANTARA keris sempurna yang dihasilkan oleh Abu Dzar.

kelnya di Kampung Kandang, Telok Mas, katanya pemilihan besi adalah penting bagi memastikan hasilnya bertahan lama.

Ujar bapa kepada dua cahaya mata itu, beberapa jenis besi yang sering digunakan untuk menghasilkan keris berkualiti antaranya besi tawar, besi beliung, besi baja dan besi melela.

Tambahnya, penggunaan besi untuk dibakar dan dibentuk adalah bergantung kepada jenis besi yang digunakan.

CAMPUR DAN 'MEMIJAR' BESI

"Kaedah yang saya gunakan sama ada menggunakan besi lama iaitu tak perlu campur besi apa-apa selain besi itu sahaja dan seterusnya kaedah campur besi.

"Ada yang campur tiga jenis besi, lima jenis besi dan tujuh jenis besi, bergantung pada keris apa nak dibuat, dan sinonimnya dengan masyarakat Melayu gunakan tujuh 'pa', iaitu paku, paku payung, pahat dan lapis-lapiskan sebelum dibakar pada suhu 1,000 darjah celsius ke atas,"katanya.

Jelas Abu Dzar, pembakaran besi atau memijar tersebut adalah bertujuan untuk mencairkan besi sebelum proses mengetuk.

Tambahnya, selepas membakar besi, proses mencanai atau mengemas bilah keris akan dilakukan.

LUK ATAU LEKUK KERIS

"Lepas kita dah memijar (memijar) besi, kita akan canai, kemaskan bilah keris dan masa yang sama kerja-kerja membuat luk atau lekuk turut dilaksanakan.

"Kebiasaannya, membuat luk atau lekuk dilakukan mengikut angka ganjil seperti tiga luk, lima luk, tujuh luk dan sembilan luk namun ada juga pelanggan yang inginkan luk dengan angka genap.

"Lepas tu baru kita rendam bila keris ke dalam minyak atau air yang mana proses ini dinamakan 'spo besi' bagi tujuan mengerasakan besi.

HULU DAN SARUNG KERIS

"Disusuli langkah membuat hulu dan sarung keris yang mana terbahagi kepada beberapa bahagian iaitu hulu, sampir, sarung keris atau batang serunai dan buntut," jelasnya.

Menurut Abu Dzar, setiap hulu keris yang diukir dan dipasang mempunyai nama dan gelaran tersendiri.

Kongsinya, antara nama hulu keris seperti Tapak Kuda, Jawa Demam dan Pekaka.

Jelasnya, pemilihan kayu untuk digunakan membuat hulu dan sarung pula kebiasaannya kayu jenis kemuning, ketengga dan arang bunga.

"Beberapa jenis keris yang sering mendapat permintaan pelanggan adalah Keris Sepukal, Keris Penyalang, Raja Tidur, Keris Melela, Keris Anak Alang, dan Keris Tok Chu.

TEMPOH PEMBIKINAN DAN HARGA KERIS

"Kebiasaannya saya ambil masa seminggu bagi menyiapkan sebilah keris, namun tempoh tersebut bergantung kepada jenis dan permintaan pelanggan.

"Dari segi harga pula, keris dijual antara RM50 sehingga RM5,000 bergantung kepada jenis keris yang ditempah pelanggan," katanya.

Bagi memastikan seni warisan Melayu itu tidak luput dek zaman, Abu Dzar berharap senjata warisan orang Melayu itu akan terus dimartabatkan sebagai identiti bangsa sejak zaman berzaman.



ANTARA 'bekalan' keris atau pra-keris, sebelum proses membentuk luk, mencanai dan sebagainya bagi membentuk sebilah keris yang sempurna.



ABU Dzar ketika membuat proses membentuk besi keris di bengkel miliknya di Kampung Kandang, Telok Mas.

NOTIS PERINTAH

DALAM MAHKAMAH MAJISTRET DI MELAKA
DALAM NEGERI MELAKA, MALAYSIA
GUAMAN NO : MA-A73KJ-388-05/2021

ANTARA

LETCHEMUNAN A/L SUPAREMANIAM
... PLAINTIF
(NO. K/P: 810704-04-5309)

DAN

1. SELUDIN BIN YAACOB (NO. K/P : 580506-03-5045)
YANG MENJALANKAN PERNIAGAAN ATAS NAMA
DAN GAYA PERNIAGAAN SELUDIN BIN YAACOB
(NO. SYARIKAT : MA0139043-A)
SEBAGAI PEMILIK TUNGGAL

... DEFENDAN-DEFENDAN

2. MOORTHI A/L CHENAPA
(NO. K/P : 800211-05-5497)
DIHADAPAN MAJISTRET
LEE KIM KEAT
PADA 11 OGOS 2021
TERBUKA

DALAM MAHKAMAH

PERINTAH

ATAS PERMOHONAN PLAINTIF melalui Notis Permohonan bertarikh 11 Ogos 2021 DAN SETELAH MEMBACA, Afidavit Sokongan Eqa Syaquirra Binti Abdul Latiff yang diikrarkan pada 09 Ogos 2021 dan Afidavit Tanpa Serahan yang diikrarkan oleh Eqa Syaquirra Binti Abdul Latiff pada 09 Ogos 2021 dan kehadiran Eqa Syaquirra Binti Abdul Latiff.

PADA HARI DIPERINTAHKAN bahawa Writ dan Pernyataan Tuntutan dalam tindakan ini hendaklah disampaikan ke atas Defendan Pertama secara Penyampaian Ganti dengan menampalkan satu salinan Writ dan Pernyataan Tuntutan berserta dengan satu salinan Perintah Penyampaian ini di pintu premis alamat terakhir Defendan Pertama iaitu di No. 9379 E Taman Indah, Bukit Sebukor, Padang Jambu, 75150 Melaka, menampalkan sesalinan serupa di Papan Kenyataan Mahkamah Majistret Melaka dan mengiklankan satu salinan Perintah Penyampaian di dalam akhbar tempatan bernama Melaka Kini.

DAN JUGA DIPERINTAHKAN bahawa penampalan dan pengiklanan sedemikian hendaklah dianggap penyampaian yang cukup sempurna akan Writ itu ke atas Defendan Pertama 14 hari selepas perlaksanaan terakhir tindakan penampalan dan pengiklanan itu.

DAN AKHIRNYA DIPERINTAHKAN bahawa kos permohonan ini adalah kos dalam kausa.

Bertarikh 11 Ogos 2021.

PERINTAH ini telah difailkan oleh Tetuan Resan & Associates, Peguambela & Peguamcara yang beralamat di No 2-6, Blok 4, Jalan Rahmat 3, Taman Malim Jaya, 75250 Melaka.
(Ruj: RA/855/2015/PD/EQA)

'Harap Melaka boleh rentas negeri' – Peniaga

Liana Sahabudin

BANDA HILIR - Kira-kira 100 peniaga Medan Samudera, dekat sini, berharap Melaka diberikan kelonggaran bagi aktiviti merentas negeri menerusi inisiatif gelembung pelancongan seperti Pulau Langkawi, sekali gus memulihkan perniagaan mereka yang semakin merosot.

Peniaga Noor Syahirah Abdullah, 25, berkata, biarpun Melaka sudah membenarkan aktiviti merentas daerah, namun mereka mengharapkan pelancong dari luar

negeri.

"Walau apa pun kami peniaga Medan Samudera ucap terima kasih kepada kerajaan sebab bagi bantuan, tolong kita yang terkesan dengan wabak COVID-19 ini.

"Tapi kami harapkan kerajaan negeri dapat buka kembali sektor pelancongan di Melaka macam di Pulau Langkawi khususnya untuk pelancongan domestik.

"Ditambah pula saya niaga barang makanan seperti belacan, cencaluk banyak yang kena buang sebab dah luput tarikh, nak harapkan orang Melaka siapa yang nak

singkah beli," katanya yang menutup premis sejak Disember 2020.

Mohd Azzuwan Melan, 37, turut mengharapkan perkara yang sama supaya Melaka dapat dipercepatkan bagi aktiviti merentas negeri.

"Kalau boleh cepatlah rentas negeri sebab kedai pun dah lama tutup sejak Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

"Perniagaan memang teruk, biarpun dah boleh berniaga sebab itu kita harap pelancong dari luar seperti Selangor, Johor, Kelantan dan lain-lain," katanya.

Sementara itu, Ernie Selamat, 53, pula bersyukur jika Melaka diberi peluang aktiviti rentas negeri kerana mereka memerlukan kedatangan pelancong dari dalam dan luar negeri.

"Cepatkan rentas negeri sebab kami dah bosan duduk rumah, inilah mata pencarian saya bila duduk rumah tiada pendapatan memang terkesan sangat.

"Ditambah pula niaga kuih-kuih, mana yang dah rosak kami kena buang dan kena cari modal nak mula berniaga semula," katanya.

Harimau baham ayam hutan bukan di Bukit Rambai – PERHILITAN

Din Ahmad

BUKIT RAMBAI - Video tular mendakwa seekor harimau kumbang membaham ayam hutan dalam Facebook disahkan bukan berlaku di negeri ini.

Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) Melaka pada 13 Sept lepas menafikan rakaman klip video itu kononnya berlaku di Kampung Seberang Gajah, Bukit Rambai.

Pengarahnya, Mohd Firrdhaus Mahmood menjelaskan, pegawai jabatan itu sudah berkomunikasi dengan pemilik akaun Facebook yang menggunakan nama 'Serama Bob Melaka' bagi mendapatkan penjelasan mengenainya.

Pemilik akaun itu menjelaskan, dia hanya memanjangkan hantaran seorang kawan di tamannya dan meminta orang ramai supaya berhati-hati jika menangkap ayam hutan di kawasan itu, katanya. Beliau menegaskan, beberapa pegawai PERHILITAN sudah menjalankan siasatan di lokasi dinyatakan dalam klip video itu dan mendapati ia tidak sama seperti didakwa.

"Hasil siasatan kami terhadap video tular di Facebook mengenai kejadian itu (harimau kumbang membaham ayam hutan) di Melaka, tidak benar.

"Pegawai kami sudah melakukan siasatan di lapangan dan mendapati lo-

kasi yang didakwa tidak menepati seperti dalam video," katanya ketika dihubungi.

Beliau mengulas rakaman harimau kumbang menyerang dan membaham seekor ayam hutan yang diikat dalam semak, dipercayai dijadikan denak untuk menarik perhatian ayam hutan yang lain supaya menghampirinya sebelum terkena racik.

Hantaran itu mendakwa ia berlaku di kampung berkenaan dan sesiapa yang memerangkap ayam hutan diminta berhati-hati bagi mengelak diserang haiwan ganas itu.

Mohd Firrdhaus menjelaskan, aktiviti memburu ayam hutan atau nama saintifiknya 'Gallus gallus' dibenarkan dengan syarat memiliki lesen memburu yang sah, selain membayar permit khas RM10 bagi seekor haiwan liar itu.

"Musim berburu ayam hutan mulai 1 Mei hingga 31 Ogos setiap tahun dan masa untuk memburu dari jam 7 pagi hingga 7 malam sahaja.

"Aktiviti ini tidak boleh dilakukan di kawasan larangan memburu dan mereka yang melakukan kesalahan boleh didakwa mengikut Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 (Akta 716).

"Jika sabit kesalahan boleh didenda maksimum RM50,000 atau penjara maksimum dua tahun atau kedua-duanya sekali," katanya.



PENIAGA Medan Samudera harap aktiviti rentas negeri dibenarkan di Melaka.

KRUBONG HEIGHTS

HAK MILIK KEKAL

Untuk Bumiputera Sahaja

20' x 70'

Rumah Teres 2 Tingkat

4 Bilik Tidur | 3 Bilik Air

Keharmonian tercipta disini...

Taman Krubong Heights merupakan bandar bersepadu yang terulung. Berlokasi di persekitaran yang strategik dan indah. Hartanah unggul yang berprestij dan selektif ini dapat memenuhi citarasa gaya hidup anda.



Watch Interior **360°** view >>

<https://krubongheights-bumi.weebly.com/>



2.331.139,
102.241.028

06. 337 3333
www.pbrealty.com.my

012. 601 0486
Vinz Lee
012. 661 1682
Tammy Ong

012. 638 4496
Yen
012- 606 8195
Sylvia Chew

012. 698 6255
Kelly Ong
010- 279 3971
Elynn Un

012. 667 0833
Sara Siow
018- 955 5177
Edwin Chan

012. 618 7922
Zura
011- 7496 0874
Aqilah

Pemaju:
PB REALTY SDN BHD 338851-D

No. 1B, Wisma PB Realty, Jalan PK 8,
Taman Perindustrian Krubong,
75260 Melaka. Fax: 06.336 5678 www.pbrealty.com.my

No. Lesen Pemajuan Perumahan : 8187-11/07-2022/0419(L) • Tempoh Sah : 22/07/2020 hingga 21/07/2022 • No. Permit Iklan & Jualan : 8187-11/07-2022/0419(P) • Tempoh Sah : 22/07/2020 hingga 21/07/2022 • Pihak Yang Meluluskan Pelan : MBMB • No Rujukan : MBMB/JKB.03025/08/2018(10) • Tarikh Jangka Siap : July 2022 • Pegangan Tanah : Hak Milik Kekal • Bebanan Tanah : Hong Leong Bank Berhad • Harga Jualan dan Jumlah Unit : RM412,500.00 min. RM615,000.00 maks. (76 unit)

IKLAN INI TELAH DILULUSKAN OLEH JABATAN PERUMAHAN NEGARA

SKM salurkan peruntukan menerusi tiga program di bawah PEMULIH

Farah Suhaidah Othman

AYER KEROH - Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) Melaka menerusi tiga Program Intervensi Pemulihan Ekonomi Koperasi menyalurkan peruntukan bernilai RM1.39 juta bagi membantu koperasi terjejas akibat pandemik COVID-19.

Pengarahnya, Mohd Firdaus Shaari berkata, menerusi program berkenaan, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) melalui Suruhanjaya Koperasi Malaysia akan menyalurkan peruntukan itu menerusi inisiatif Pakej Perlindungan Rakyat dan Pe-



FIRDAUS

mulihan Ekonomi (PEMULIH) bagi membantu kelangsungan operasi koperasi yang terkesan.

Katanya, tiga program berkenaan adalah Penubuhan Koperasi Prihatin Rakyat (KPR), Jualan Koperasi Prihatin Rakyat (JKPR) serta Program Transformasi Ekonomi Gerakan Koperasi (TRANSFER).

PROGRAM PENUBUHAN KOPERASI PRIHATIN RAKYAT

"Bagi program KPR, SKM negeri menyalurkan bantuan keseluruhan berjumlah RM300,000 dalam membantu penubuhan koperasi baharu kepada golongan sasaran usahawan terjejas, golongan hilang pendapatan dan siswazah mengangsur yang mana kita galakkan penubuhan koperasi di kalangan mereka dengan pemberian insentif sehingga maksimum RM100,000 bagi setiap koperasi tertakluk kepada projek yang akan dilaksanakan.

"Sebagai contoh, pekerja di dalam sektor perhotelan yang ada kalangan pekerjaannya hilang punca pendapatan apabila diberhentikan kerja, jadi mereka tubuhkan koperasi dengan mengusahakan sesuatu aktiviti pertanian kelompok dengan ahli sekurang-kurangnya 20 orang.

"Jadi kita salurkan sehingga RM100,000 dalam tempoh tiga bulan dengan syarat koperasi berkenaan perlu ada kertas kerja dan pro-

jek berkaitan sebelum dinilai untuk diberikan geran terbabit," katanya ketika ditemui di pejabatnya, di sini.

PROGRAM JUALAN KOPERASI PRIHATIN RAKYAT

Mengulas lanjut, beliau berkata, bagi JKPR pihaknya menyalurkan insentif sehingga RM90,000 dan setakat ini sebanyak enam koperasi di negeri ini yang menjalankan aktiviti borong runcit telah dikenalpasti akan mendapat manfaat itu.

Jelasnya, SKM akan memberikan insentif maksimum RM15,000 masing-masing kepada enam koperasi bagi menjalankan program jualan harga patut di seluruh daerah di Melaka.

"Ia bermakna kita berikan subsidi bagi harga jualan barangan asas seperti beras, contohnya harga jualan bagi sekam 10 kilogram (kg) beras RM18, kita berikan subsidi sebanyak RM2.70 iaitu 15 peratus dan koperasi berkenaan boleh menjual dengan harga RM15.30. Walau bagaimanapun, bagi barang kawalan, ianya adalah tertakluk kepada syarat dan kelulusan daripada pihak berwajib.

"Manakala menerusi jualan kedai harga patut di bawah program sama, subsidi diberikan bukan sahaja kepada barangan asas namun terbuka kepada barang keperluan lain seperti makanan basah contohnya ayam dan sayur, lampin pakai buang dan peralatan keselamatan seperti *mask* dan *hand sanitizer*.

"Ini bermakna pengurangan barang yang dijual kepada pelanggan sehingga 15 peratus namun dengan syarat koperasi berkenaan mempunyai segala lesen dan kebenaran serta telah mendapat kelulusan daripada pihak berwajib bagi barang kawalan," katanya.

PROGRAM TRANSFORMASI EKONOMI GERAKAN KOPERASI

Mohd Firdaus berkata, menerusi program TRANSFER yang diperuntukan sebanyak RM1 juta pula memfokuskan kepada koperasi yang perniagaannya terjejas akibat pandemik namun berhasrat untuk mengembangkan atau menukar aktiviti sedia ada kepada aktiviti sektor lain menerusi mekanisme yang berseesuaian bagi mengekalkan kestabilan kewangan.

"Sebagai contoh, koperasi yang terlibat di dalam sektor pelancongan yang terjejas kerana sektor pelancongan ditutup, namun berhasrat untuk menjalankan aktiviti lain seperti mengusahakan tanaman nenas, jadi mereka memerlukan keperluan modal dari segi pembelian benih, mengadakan infrastruktur selain keperluan kepada modal pusingan bagi

menggerakkan semula aktiviti baharu ini.

"Jadi, kita memberikan geran supaya dapat membantu koperasi berkenaan meneruskan operasi perniagaannya di dalam sektor ekonomi

yang berbeza," katanya.

Menurut Mohd Firdaus, ketiga-tiga program ini bagaimanapun mempunyai garis panduan, terma dan syarat serta kriteria tertentu.

"Antaranya setiap koperasi

perlu mengemukakan kertas kerja dan tempoh pelaksanaan bagi semua program terbabit adalah selama setahun selain tertakluk kepada peruntukan ditetapkan Kementerian," katanya.

Melaka negeri pertama adaptasi aplikasi STEP

MELAKA menjadi negeri pertama menggunakan aplikasi *School Transformation e-Platform* (STEP) bagi kemudahan sistem perniagaan koperasi sekolah termasuk pentadbiran pengurusan sekolah.

Mohd Firdaus Shaari berkata, aplikasi itu dibangunkan oleh Koperasi Perkhidmatan Pelajaran Nasional (KOPENAS) dan vendornya, VX Ventures Sdn Bhd bagi diguna pakai oleh sekolah menengah yang mempunyai koperasi di negeri ini.

Katanya, aplikasi berkenaan bukan sahaja menyediakan infrastruktur aktiviti koperasi sekolah namun turut mengaplikasikan struktur perkhidmatan serta urus tadbir pengurusan sekolah.

"STEP mengandungi tujuh ciri utama iaitu, *e-commerce*, maklumat, *user data*, *survey*, *e-news*, *school events* dan *donation* namun aplikasi ini didaftarkan atas nama koperasi sekolah.

"Menerusi *e-commerce* adalah khusus untuk penggunaan koperasi sekolah termasuk mengandungi elemen stok inventori, pengurusan tunai, *'turn over'*, rekod belian atau jualan yang boleh direkodkan secara atas talian melalui aplikasi," katanya ketika dihubungi di pejabatnya, di sini.

Terdahulu, majlis pelancaran aplikasi itu diadakan secara maya menerusi atas talian yang turut dihadiri Pengerusi VX Ventures Sdn Bhd, Yang Mulia Tengku Aaran Mohamed Tunku Mu'tamir, Pengerusi Koperasi Perkhidmatan Pelajaran Nasional Berhad (Kopenas), Jumat Mat Lani dan Pengarah Bank Simpanan Nasional (BSN) negeri, Mohd Hairol Izam Abu Bakar.

Hadir sama, Ketua Penolong Pengarah, Unit Pembangunan Bakat Murid, Sektor Pembangunan Murid Jabatan Pendidikan Melaka, Azmi Osman.

Mengulas lanjut, Mohd Firdaus berkata, berdasarkan statistik terdapat 82 koperasi sekolah berdaftar

di bawah Akta Koperasi 1993 dengan keanggotaan seramai 53,819 ahli terdiri daripada pengetua dan tenaga pengajar, kakitangan dan pelajar.

"Modal syer terkumpul bagi 82 sekolah adalah sebanyak RM960,952 dengan jumlah aset yang direkodkan lebih RM16 juta.

"Jumlah perolehan dicatatkan bagi tahun kewangan berakhir Disember 2020 oleh 82 sekolah adalah sebanyak RM8.6 juta," katanya.

Beliau berkata, daripada 82 koperasi ini, sebanyak 35 koperasi bersejua untuk menyertai bagi melanggan aplikasi terbabit.

"Pihak VX Ventures Sdn Bhd Bersama KOPENAS melalui SKM telah melaksanakan dua siri penerangan secara fizikal, empat secara atas talian bermula April lalu melibatkan 68 koperasi sekolah.

"Daripada jumlah itu, 35 sekolah berminat untuk menyertai program itu sekaligus mendaftar sebagai operator kepada aplikasi berkenaan.

Mohd Firdaus berkata, penyediaan aplikasi ini adalah merupakan langkah strategik yang terkandung dalam Pelan Transformasi Koperasi Malaysia 2021-2025 (TransKoM 2021-2025)

"Menurut tujuhan keempat TransKoM 2021-2025, iaitu menyediakan ekosistem yang kondusif bagi pembangunan perniagaan koperasi melalui pembangunan adaptasi teknologi berstruktur dengan kerjasama pihak industri.

"Sehingga Jun 2021, SKM menyalurkan bantuan dan pembiayaan berjumlah RM792,122 kepada koperasi sekolah.

"Justeru, saya berharap pihak koperasi dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Negeri dan pengurusan sekolah dapat memaksimumkan potensi dengan menggunakan peluang yang disediakan oleh SKM," katanya.



MAJLIS pelancaran aplikasi pendigitalan STEP peringkat negeri Melaka disempurnakan perasmianya oleh Mohd Firdaus secara atas talian baru-baru ini.

Piala Malaysia MFL impi kehadiran penonton di stadium

LIGA Bola Sepak Malaysia (MFL) menaruh harapan saingan Piala Malaysia yang akan bermula 25 Sept ini akan diserikan dengan kehadiran penonton di stadium.

Presidennya Datuk Ab Ghani Hassan berharap permohonan MFL untuk mendapat kebenaran kehadiran penyokong ke stadium diberi pertimbangan sebaiknya selepas pengumuman kelonggaran baharu oleh kerajaan bagi sektor sosial dan sukan.


Sempena Piala Malaysia menyambut ulang tahun ke-100 penganjurannya musim ini, Ab Ghani menyifatkan kehadiran semula penonton di stadium akan menjadikan kejohanan yang mempunyai nilai cukup tinggi dalam sejarah bola sepak negara itu lebih bermakna.

"Pastinya sesuatu yang menarik jika penyokong-penyokong dibenarkan masuk ke stadium dengan kapasiti tertentu serta SOP (prosedur operasi standard) yang

ketat," katanya dalam ucapan sempena sambutan Hari Malaysia 2021 di laman Facebook MFL, pada 16 Sept lepas.

Baru-baru ini, Perdana Menteri Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob mengumumkan Mesyuarat Jawatankuasa Khas Pengurusan Pandemik bersetuju memberi kelonggaran baharu bagi aktiviti sukan dan rekreasi di negeri Fasa Dua dan Fasa Tiga Pelan Pemulihan Negara (PPN) berkuat kuasa 17 Sept.

Perdana Menteri berkata aktiviti sukan dan rekreasi termasuk aktiviti berpasukan bersentuhan fizikal seperti bola sepak, bola tampar, sepak takraw dibenarkan mengikut kapasiti penuh sukan tersebut dan terhad bagi individu yang telah lengkap vaksin COVID-19 serta berlangsung di premis yang mempunyai kawalan penyelesaian sepenuhnya. - BERNAMA



AB Ghani

e-Sukan Bakat anak Melaka dalam MEL21 terserlah

PENGANJURAN Liga e-Sukan Malaysia 2021 (MEL21) peringkat negeri Melaka yang berlangsung pada bulan Julai lepas menyaksikan penyertaan memberangsangkan dari pencinta platform e-Sukan negeri ini.

Melibatkan empat jenis permainan iaitu PUBG, Mobile Legends Bang Bang (MLBB), FIFA21 dan Dota 2, liga tersebut bertujuan menyediakan platform lebih luas membabitkan semua peringkat pemain termasuk amatir, semi-profesional dan profesional untuk bertanding dan mempamerkan bakat masing-masing.

Untuk segmen permainan PUBG, pasukan 'C4' dinobatkan sebagai juara, manakala bagi permainan MLBB diung-

guli pasukan 'Kroni X Infinity', FIFA21 dijuarai anak jati dari Merlimau, 'Domo' Amirul, manakala bagi permainan Dota 2 dijuarai pasukan 'Thirst Esports'.

Setiap juara liga dalam keempat-empat jenis permainan tersebut membawa pulang hadiah wang tunai berjumlah RM2,000 dan akan mewakili negeri ke peringkat kebangsaan.

Dianjurkan oleh Kementerian Belia dan Sukan (KBS) dan Esports Integrated (ESI), MEL21 secara keseluruhan termasuk di peringkat kebangsaan, menawarkan hadiah wang tunai berjumlah RM200,000.

Sementara itu, Presiden Persatuan E-Sukan Melaka

(MEA) Muhammad Hamka Mohd Ali mengucapkan syabas buat setiap peserta yang terlibat, dan mahu bidang e-Sukan negeri ini akan terus berkembang dari semasa ke semasa.

"Bagi saya, penganjuran MEL21 peringkat negeri ini adalah inisiatif yang amat baik oleh KBS dan ESI sendiri dalam memartabatkan platform e-Sukan di Melaka dan Malaysia amnya.

"Saya percaya, Melaka mampu memberi cabaran dan menjadi juara nasional dan antarabangsa dalam arena e-Sukan dalam tempoh beberapa tahun akan datang kerana Melaka sendiri mempunyai ramai anak muda yang berbakat dalam sukan elektronik ini," katanya kepada MHI.



SENARAI juara MEL21 peringkat negeri Melaka



KALI terakhir PTSR dijuarai oleh Skuad Wanita Melaka United pada tahun 2019. FOTO ihsan melakaunitedfc.com

Piala Tun Sharifah Rodziah dibatalkan

PERSATUAN - Bola Sepak Malaysia (FAM) pada 16 Sept lalu mengumumkan pertandingan bola sepak wanita Piala Tun Sharifah Rodziah (PTSR) 2021 dibatalkan.

Setiausaha Agung FAM Mohd Saifuddin Abu Bakar berkata pembatalan itu susulan keputusan yang dibuat Jawatankuasa Bola Sepak Wanita FAM.

"Keputusan ini bukan sesuatu yang mudah memandangkan isu COVID-19 yang berlarutan telah memberi impak yang amat ketara kepada industri bola sepak, termasuk pembangunan teknikal pemain," katanya dalam satu kenyataan.

Beliau berkata sebagai sokongan kepada inisiatif kerajaan dalam membendung penularan wabak COVID-19, FAM memutuskan untuk memberi kerjasama dan patuh

pada arahan Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Belia dan Sukan (KBS).

Pada masa sama, FAM melihat keputusan itu akan memberi lebih ruang kepada semua pasukan untuk membuat persediaan lebih terperinci, selain bebas untuk mengekalkan anggota pasukan masing-masing.

"Malah, FAM amat berbesar hati untuk memberikan khidmat nasihat serta sokongan kepada semua yang terlibat terhadap usaha pembangunan bola sepak wanita di peringkat negeri," katanya.

PTSR adalah kejohanan keempat yang dibatalkan badan induk bola sepak negara itu musim ini selepas Piala Belia, Piala Presiden dan Liga Futsal Perdana Malaysia (MPFL). - BERNAMA




23 **Bakat e-Sukan Melaka terserlah**

Sukan

MELAKA HARI INI



ZAINAL



Melaka dicabar Kedah

MUFC mungkin boleh menarik nafas lega apabila tidak diundi dalam 'kumpulan maut' bagi kempen Piala Malaysia musim 2021.

Ia selepas skuad Hang Tuah diundi dalam kumpulan C pada majlis undian yang diadakan secara langsung pada 15 Sept lepas.

Antara pencabar utama skuad kendalian Zainal Abidin Hassan bagi saingan kali ini ialah naib juara Liga Super Kedah Darul Aman FC (KDA FC) yang juga juara lima kali Piala Malaysia.

Selain itu, MUFC turut ditentang juara Liga Premier iaitu sama ada Negeri Sembilan FC atau Sarawak United FC.

Sementara satu lagi pencabar ialah kelab di tangga kelima Liga Premier yang pada ketika ini menjadi tempat

Kelantan FC.

Sesi undian itu menyaksikan penyandang juara Piala Malaysia edisi 2019 yang juga juara Liga Super Johor Darul Ta'zim diundi dalam kumpulan D bersama Petaling Jaya City FC, Sabah dan pasukan di tangga keempat Liga Premier.

Juara 33 kali Piala Malaysia pula iaitu Selangor FC dijadual Terengganu FC, Perak FC dan pasukan di tangga keempat Liga Premier di dalam kumpulan B.

Sementara kumpulan A menyaksikan saingan sengit membabitkan Penang FC, Kuala Lumpur City FC, Sri Pahang FC dan naib juara Liga Premier.

Untuk rekod, saingan Piala Malaysia tahun ini merupakan ulang tahun ke-100 bagi kejohanan penuh berprestij itu.

Mohamad Fazrul Abdul Majid

KELAB Bolasepak Melaka United (MUFC) mengimpikan untuk melangkah lebih jauh dalam kempen Piala Malaysia tahun ini selepas sekadar menamatkan saingan di peringkat kumpulan pada edisi terdahulu.

Pengurus MUFC, Muhammad Akram Abdullah berkata, sasaran ditetapkan adalah ara ke separuh akhir kejohanan piala tertua bola sepak negara itu.

Bagaimanapun, katanya, untuk mencapai sasaran itu, segala persiapan perlu dilakukan bermula sekarang, selain 'post-mortem' segala kelemahan lalu yang perlu diperbaiki.

"Selepas menjamin tempat di Liga Super musim depan dan melayakkan diri dalam saingan Piala Malaysia, inilah peluang buat pasukan menebus kesilapan lalu dan berjuang untuk mendapatkan keputusan terbaik.

"Sekiranya kita berusaha dan memperbaiki kekurangan pasukan, Insha-Allah kita boleh mara lebih

jauh dalam saingan Piala Malaysia," katanya kepada MHI.

Sementara itu, Ketua Jurulatih MUFC, Zainal Abidin Hassan mengakui saingan kali ini akan menjadi lebih sengit dengan rata-rata pasukan mahu memburu trofi kejuaraan itu selepas ia dibatalkan pada edisi tahun lalu akibat COVID-19.

Justeru, katanya, banyak 'kerja rumah' perlu dilakukan anak buahnya demi mencapai sasaran yang ditetapkan pihak pengurusan.

"Perkara paling utama perlu dilakukan ialah memperbaiki kelemahan kita terutama di bahagian pertahanan.

"Kita perlu ambil iktibar dan kemaskan bahagian benteng, selain memanfaatkan segala peluang yang kita terima untuk menjaringkan gol," katanya.

Dalam pada itu, Zainal turut tidak menolak kemungkinan untuk memberi peluang kepada muka-muka baharu beraksi dalam kesebelasan utama pasukan dalam kempen Piala Malaysia tahun ini.

PERINGKAT KUMPULAN	
PERINGKAT KUMPULAN A PENANG FC KUALA LUMPUR CITY FC SRI PAHANG FC PASUKAN TEMPAT KEDUA LIGA PERDANA	PERINGKAT KUMPULAN B TERENGGANU FC SELANGOR FC PERAK FC PASUKAN TEMPAT KETIGA LIGA PERDANA
PERINGKAT KUMPULAN C KEDAH DARUL AMAN FC MELAKA UNITED FC PASUKAN JUARA LIGA PERDANA PASUKAN TEMPAT KELIMA LIGA PERDANA	PERINGKAT KUMPULAN D JOHOR DARUL TA'ZIM PETALING JAYA FC SABAH FC PASUKAN TEMPAT KEEMPAT LIGA PERDANA